

Answers for Analisis Bertopik 2025 will be updated soon!

Please check back later for the updated answers.

JAWAPAN DAN ULASAN

SEJARAH

Bab 1

WARISAN NEGARA BANGSA

KERTAS 1

1 B

Ulasan: Kedudukan raja diperkukuhkan dengan sistem pentadbiran yang dibantu oleh pembesar. Selain itu, raja memperoleh ketaatan daripada rakyatnya. Oleh itu, wilayah pengaruh seorang raja adalah kawasan yang rakyatnya menerima, memperakui dan mentaati pemerintahan seorang raja.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 4

2 B

Ulasan: Kuasa dan pengaruh seorang raja terhadap sesebuah wilayah dalam sistem politik Melayu tradisional diperolehi melalui kesetiaan rakyat kerana rakyat perlu menerima dan memperakui pemerintahan seseorang raja di dalam sesebuah wilayah yang akhirnya akan memupuk kesetiaan kepada raja. Ini merupakan ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu yang terdiri dari raja, undang-undang, wilayah pengaruh dan rakyat.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 4

3 A

Ulasan: Kesultanan Melayu Melaka meluaskan pengaruhnya melalui taklukan atau peperangan seperti Pahang, Kuala Linggi, Kelantan, Rokan, Inderagiri dan Kampar. Selain itu, melalui naungan, iaitu wilayah yang menerima ketuanan Kesultanan Melayu Melaka melalui perkahwinan atau persahabatan seperti Lingga, Patani dan Kedah.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 7

4 C

Ulasan: Sistem pentadbiran yang teratur memperlihatkan kebijaksanaan pemerintah Kesultanan Melayu Melaka mentadbir kerajaan. Kebijaksanaan pemerintah mengawal perbendaharaan menjadikan juga Kesultanan Melayu Melaka semakin maju dan makmur. Perbendaharaan yang maju hasil daripada kutipan cukai dan perdagangan yang pesat dari kedudukan Melaka yang strategik menjadikan Melaka tumpuan kepada para pedagang.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 9

5 A

Ulasan: Bendahara berperanan sebagai ketua pentadbir dan ketua turus angkatan tentera. Beliau juga berperanan untuk menasihati sultan dan menjadi pemangku sultan.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 9

6 B

Ulasan: Sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka mempunyai pentadbiran yang lengkap dan tersusun. Sistem pentadbiran ini dikenali sebagai Pembesar Empat Lipatan. Pembesar Berempat yang terdiri daripada Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana membantu Sultan dalam melancarkan sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka. Pelaksanaan pemerintahan secara sistematik, lancar dan tersusun ini menjadikan pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka sebagai sebuah kerajaan yang utuh dan unggul.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 8

7 D

Ulasan: Syahbandar dipertanggungjawabkan untuk mengutip cukai di pelabuhan.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 9

8 A

Ulasan: Kesultanan Melayu Melaka mempunyai sistem pentadbiran yang lengkap dan tersusun. Sistem Pentadbiran ini dikenali sebagai Pembesar Empat Lipatan yang mempunyai peranan masing-masing dalam memastikan pentadbiran kesultanan Melayu Melaka berjalan dengan lancar. Hal ini ditambah dengan kedudukan Melaka yang strategik menyebabkan Melaka menjadi tumpuan terutama dalam perdagangan.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 9

9 A

Ulasan: Antara sumber pendapatan Kesultanan Melayu Melaka ialah daripada urusan perdagangan, cukai dan ufti daripada wilayah taklukan dan naungan. Penghulu Bendahari bertanggungjawab menjaga perbendaharaan Melaka manakala Syahbandar bertanggungjawab mengutip cukai di pelabuhan dan pembesar lain mengutip cukai di kawasan pegangan. Sistem kewangan yang teratur di Kesultanan Melayu Melaka menjadikan Melaka semakin maju dan makmur.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 9

10 B

Ulasan: Peribahasa tersebut mempunyai kaitan dengan hubung kait antara pemerintah dengan rakyat. Rakyat bertanggungjawab untuk taat setia dan patuh kepada arahan pemerintah. Di samping itu, rakyat berperanan untuk menjadi tentera, menghadiri majlis umum seperti gotong-royong, menjadi pendayung dan menyumbang tenaga kerja melalui sistem kerah seperti membina istana.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 13

KERTAS 2

Bahagian A

Soalan	Isi	Markah
1(a)	F1 Raja	1
<i>Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 4</i>	F2 Undang-undang	1
	F3 Wilayah pengaruh	1
	F4 Rakyat	1
	Ulasan: Calon dikehendaki menyatakan dua ciri negara bangsa di Alam Melayu sebelum kedatangan Barat.	
	[Mana-mana 2 × 1m]	[Maksimum: 2 markah]
1(b)	Raja	
<i>Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 4</i>	F1 Tonggak utama kerajaan	1
	F2 Sistem pentadbiran memperkukuh kedudukan raja	1
	F3 Pembesar membantu pentadbiran	1
	F4 Sentiasa ditaati	1
	F5 Dianggap suci	1

1(c) KBAT	F6 Contohnya, Raja Champa dianggap pemerintah suci/ Dewa Siva	1
	F7 Menaungi dan menjaga keselamatan rakyat	1
	F8 Mewujudkan perpaduan rakyat	1
	F9 Bertanggungjawab terhadap kemakmuran/ kestabilan kerajaan	1
	Undang-undang	1
	F10 Perkenal undang-undang untuk mengawal rakyat	1
	F11 Menjamin kesejahteraan sesebuah kerajaan	1
	F12 Dipakai di seluruh wilayah	
	F13 Menjadi rujukan pentadbiran	1
	F14 Contohnya, Majapahit mengamalkan undang-undang <i>Kutara Manawa</i>	1
	Wilayah pengaruh	1
	F15 Kawasan yang menerima/ memperakui pemerintahan seorang raja	1
	F16 Contohnya, Funan meliputi dari Sungai Mekong, Teluk Cam Ranh, Myanmar dan Segenting Kra	1
	F17 Diperoleh melalui penaklukan/ naungan/ perkahwinan	1
	Rakyat	1
	F18 Penduduk di sesebuah wilayah dan setia kepada raja	
	F19 Penduduk Srivijaya mengikuti upacara persetiaan/ meminum air sumpah	1
	F20 Setia kepada raja/ tidak menderhaka	1
	F21 Sistem kerah dan serah	1
	Ulasan: Calon dikehendaki menjelaskan dua ciri negara bangsa di Alam Melayu sebelum kedatangan Barat yang berada dalam (a), iaitu Raja, undang-undang, wilayah pengaruh dan rakyat.	1
	[Mana-mana 4 × 1m]	[Maksimum: 4 markah]
	F1 Pemimpin perlu menyatukan rakyat	1
	F2 Kita perlu memperkuat negara	1
	F3 Mewujudkan negara stabil	1
	F4 Membentuk ekonomi maju	1
	F5 Pendapatan negara bertambah	1
	F6 Pembangunan lancar	1
	F7 Rakyat sejahtera	1
	Ulasan: Calon dikehendaki untuk menjelaskan cara untuk menjadikan negara dan bangsa kita lebih cemerlang.	
	[Mana-mana jawapan munasabah] [Mana-mana 4 × 1m]	[Maksimum: 4 markah]

Soalan	Isi	Markah
2	X Undang-undang	1
	Y Lambang kebesaran	1
Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 6–7	Ulasan: Calon dikehendaki melengkapkan dua ciri pembentukan negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka. [Mana-mana $2 \times 1m$]	[Maksimum: 2 markah]
3(a)	F1 Dikenali Pembesar Empat Lipatan	1
Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 8–9	F2 Sultan Melaka memberikan kuasa memerintah atau mentadbir sesuatu wilayah/ sungai/ pulau kepada Pembesar Berempat	1
	F3 Setiap kawasan pentadbiran ini dikenali sebagai kawasan pegangan	1
	F4 Sistem pentadbiran tersusun dan berhierarki	1
	F5 Sultan mengetuai pemerintahan	1
	F6 Mempunyai kuasa dalam segala aspek/ pemerintahan/ peperangan/ hubungan diplomatik/ agama	1
	F7 Pembesar Berempat/ Bendahara/ Penghulu Bendahari/ Temenggung/ Laksamana/ Pembesar lain yang membantu dalam pentadbiran/ Syahbandar/ Bentara/ Orang Kaya/ Hulubalang/ Penghulu	1
	F8 Terbahagi kepada dua, iaitu pentadbiran pusat dan peringkat jajahan	1
	F9 Hubungan dan persefahaman dua hala antara sultan dengan pembesar	1
	F10 Mewujudkan proses pentadbiran yang sempurna mengelakkan sebarang tindakan sewenang-wenangnya oleh pemerintah	1
	F11 Bendahara sebagai ketua pentadbir/ ketua turus angkatan tentera/ menasihati sultan dalam pelbagai hal/ menjadi pemangku sultan	1
	F12 Mempunyai sistem kewangan yang teratur	1
	F13 Penghulu Bendahari menguruskan perbendaharaan secara teratur	1
	F14 Syahbandar mengutip cukai di pelabuhan	1
	F15 Pembesar lain mengutip cukai di kawasan pegangan	1
	F16 Hasil perbendaharaan akan disalurkan untuk kepentingan kerajaan/ membeli senjata/ membina istana	1
	F17 Mempunyai sistem keselamatan yang kemas	1
	F18 Menjaga keamanan di darat/ di laut	1
	F19 Temenggung dilantik menjaga keamanan di Kota Melaka	1
	F20 Laksamana sebagai panglima angkatan laut Melaka	1
	F21 Pada peringkat jajahan, pembesar ditugaskan untuk menguruskan pentadbiran di kampung/ daerah	1
	F22 Pembesar dilantik oleh sultan/ Pembesar Berempat	1
	F23 Peranan mereka menjaga keamanan/ mengutip cukai	1

3(b) KBAT	Ulasan: Calon dikehendaki menjelaskan sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka. [Mana-mana $4 \times 1m$]	[Maksimum: 4 markah]
	F1 Kestabilan politik negara terjamin	1
	F2 Pentadbiran negara berjalan lancar	1
	F3 Kesepakatan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum	1
	F4 Keamanan negara dikecapi	1
	F5 Dasar negara dapat dilaksanakan	1
	F6 Kedaulatan negara dikekalkan	1
	F7 Mewujudkan negara stabil	1
	F8 Membentuk ekonomi maju	1
	F9 Pendapatan negara bertambah	1
	F10 Pembangunan lancar	1
	F11 Rakyat sejahtera	1
	Ulasan: Calon dikehendaki untuk menjelaskan sebab sebuah negara memerlukan sistem pentadbiran yang mantap. [Mana-mana jawapan munasabah] [Mana-mana $4 \times 1m$]	[Maksimum: 4 markah]

Bahagian B

Soalan	Isi	Markah
4 Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 6–7	F1 Kerajaan	1
	H1a Mempunyai raja	1
	H1b Raja pemerintah tertinggi	1
	H1c Mempunyai pembesar yang membantu raja	1
	H1d Sistem Pembesar Empat Lipatan	1
	H1e Selepas Islam menggunakan gelaran sultan	1
	F2 Rakyat	1
	H2a Setia kepada sultan	1
	H2b Rakyat mematuhi undang-undang	1
	H2c Mengakui kekuasaan sultan	1
	H2d Orang Melayu/ Orang Laut/ golongan merdeka dan hamba	1
	H2e Sultan menjamin kesejahteraan rakyat	1
	F3 Kedaulatan	1
	H3a Lambang kekuasaan tertinggi sultan	1
	H3b Hak mutlak sultan mengawal rakyat/ wilayah	1
	H3c Diakui oleh kerajaan lain	1
	H3d Bebas daripada campur tangan asing/ paksaan/ taklukan	1
	H3e Diiktiraf oleh Dinasti Ming	1
	H3f Utusan Dinasti Ming dihantar mempererat hubungan	1

	H3g Mengawal rakyat/ wilayah	1
	F4 Wilayah pengaruh	1
	H4a Wilayah kekuasaan yang diakui rakyat	1
	H4b Semenanjung Tanah Melayu dan pantai timur Sumatera	1
	H4c Diperoleh melalui penaklukan/ naungan/ perkahwinan	1
	H4d Sempadan tidak ditetapkan seperti sempadan negara moden	1
	F5 Undang-undang	1
	H5a Undang-undang bertulis	1
	H5b Hukum Kanun Melaka/ Undang-Undang Laut Melaka	1
	H5c Mengukuh kerajaan	1
	H5d Melindungi rakyat	1
	H5e Menjadikan Melaka kerajaan unggul	1
	F6 Lambang kebesaran	1
	H6a Identiti/ kerajaan	1
	H6b Simbol kedaulatan	1
	H6c Adat istiadat/ warna/ nobat/ cap mohor/ bahasa Melayu/ agama Islam	1
	H6d Keistimewaan sultan	1
	Ulasan: Calon dikehendaki menjelaskan ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka.	
	[Mana-mana 6 × 1m]	[Maksimum: 6 markah]
5(a)	F1 Peringkat pusat	1
<i>Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 8–9</i>	H1a Sultan berkuasa dalam semua perkara	1
	H1b Dilaksanakan oleh Pembesar Berempat	1
	H1c Bendahara/ Penghulu Bendahari/ Temenggung/ Laksamana	1
	H1d Bendahara ketua pentadbir/ ketua turus tentera/ penasihat/ pemangku sultan	1
	H1e Penghulu Bendahari menguruskan perbendaharaan	1
	H1f Syahbandar, Bentara, Orang Kaya, hulubalang, penghulu	1
	H1g Syahbandar mengutip cukai di pelabuhan	1
	H1h Pembesar lain mengutip cukai di kawasan pegangan	1
	H1i Hasil perbendaharaan disalurkan kepada kerajaan	1
	H1j Digunakan untuk pembelian senjata dan membina istana	1
	H1k Temenggung menjaga keselamatan kota Melaka	1
	H1l Laksamana sebagai panglima angkatan laut	1
	F2 Kawasan pegangan	1
	H2a Kuasa memerintah/ mentadbir kawasan diberikan kepada Pembesar Berempat	1
	C2a Bendahara – Muar, Bentan/ Penghulu Bendahari – Sening Ujung, Kampar/ Laksamana – Temasik/ hulubalang – Sungai Raya, Siantan	1
	F3 Peringkat jajahan	1

5(b) KBAT	H3a Pembesar ditugaskan mentadbir daerah/ kampung	1
	H3b Mengutip cukai	1
	H3c Mengekalkan keamanan	1
	H3d Dilantik oleh Pembesar Berempat/ sultan	1
	F4 Sistem tersusun dan berhierarki	1
	Ulasan: Calon dikehendaki menerangkan mengenai Sistem Pembesar Empat Lipatan dalam pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.	
	[Mana-mana 6 × 1m]	[Maksimum: 6 markah]
	H1 Warisan dan budaya adalah khazanah bangsa yang sangat berharga	1
	H2 Mesti dijaga dan dipelihara	1
	H3 Kebanggaan semua pihak	1
	H4 Memperkukuh identiti dan jati diri bangsa	1
	H5 Bukti ketinggian tamadun bangsa	1
	H6 Setanding dengan tamadun lain	1
	H7 Meningkatkan keyakinan bangsa	1
	H8 Untuk duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan bangsa lain yang maju	1
	H9 Jika diabaikan, maruah bangsa akan tercalar	1
	Ulasan: Calon dikehendaki menghuraikan mesej yang terkandung dalam petikan yang diberi. Calon boleh menggunakan dan mengolah jawapan daripada petikan.	
	[Mana-mana 8 × 1m]	[Maksimum: 8 markah]

Bab 2

KEBANGKITAN NASIONALISME

KERTAS 1

1 B

Ulasan: Revolusi Perancis membawa kemunculan Republik Perancis yang mengakhiri sistem pemerintahan beraja di Perancis.
Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 25

2 A

Ulasan: Nasionalisme di China bermula dengan penentangan terhadap kelemahan pemerintahan Dinasti Manchu (kerajaan Manchuria) yang dianggap sebagai orang luar dan kehilangan mandat. Masyarakat China hilang kepercayaan terhadap Dinasti Manchu kerana gagal menghalang kemasukan pengaruh Barat. Gerakan ini bercorak anti-Barat kerana menentang campur tangan kuasa Barat di China.
Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 26

3 A

Ulasan: Penentangan terhadap Dinasti Manchu oleh masyarakat China kerana kerajaan Manchuria dianggap sebagai orang luar yang telah kehilangan mandat. Masyarakat China hilang kepercayaan terhadap Dinasti Manchu kerana gagal menghalang kemasukan pengaruh Barat.
Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 26

4 B

Ulasan: Raden Adjeng Kartini terlibat dalam nasionalisme Indonesia apabila beliau mempelopori perjuangan memajukan pendidikan kaum wanita. Karya *Hilang Gelap Terbitlah Terang* diterbitkan pada 1911 dan diterjemah ke dalam bahasa Inggeris berjudul *Letters of a Javanese Princess* (Penulisan Seorang Puteri Jawa) mendedahkan dasar diskriminasi Belanda yang menindas dan membawa kemunduran bangsa Indonesia.
Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 30

5 A

Ulasan: Isu kasut di Burma telah membangkitkan semangat nasionalisme masyarakat Burma terutama daripada golongan pertengahan berpendidikan Barat yang membentuk persatuan seperti Persatuan Belia Buddha (1906). Perbuatan orang British ini dianggap mencemari kesucian agama Buddha.
Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 28-29

6 B

Ulasan: Nasionalisme di Thailand berbeza dengan gerakan nasionalisme di negara lain yang bersifat antipenjajah dan menuntut kemerdekaan. Gerakan nasionalisme di Thailand bertujuan mempertahankan kedaulatan negara serta menuntut penglibatan rakyat dalam pemerintahan. Oleh itu, Revolusi Thai telah menamatkan pemerintahan raja berkuasa mutlak.
Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 31

7 C

Ulasan: Nasionalisme dalam kalangan rakyat timbul semasa pemerintahan Raja Vajiravudh. Kelemahan pentadbiran Raja Vajiravudh menimbulkan kegelisahan rakyat terhadap penguasaan politik oleh kerabat diraja. Nai Pridi Phanomyong dan Field Marshal Phibulsongkram menubuhkan Parti Rakyat dan melancarkan Revolusi Thai pada tahun 1932. Revolusi tersebut menamatkan pemerintahan raja berkuasa mutlak. Pemerintahan raja berperlembagaan diperkenalkan dengan meletakkan raja pada kedudukan tertinggi, tetapi tidak mencampuri urusan pentadbiran kerajaan Thailand yang dijalankan oleh Perdana Menteri.
Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 31

8 B

Ulasan: Novel, cerpen dan puisi daripada tokoh nasionalis digunakan sebagai cara untuk mengungkap keperitan hidup bangsa yang dijajah serta penderitaan rakyat. Hal ini memberikan impak kepada rakyat untuk menaikkan semangat bagi memahami realiti hidup yang dijajah. Contohnya karya Novel *Melor Kuala Lumpur* oleh Harun Aminurrashid. Manakala karya Raden Adjeng Kartini, *Hilang Gelap Terbitlah Terang* pula mendedahkan dasar diskriminasi Belanda yang menindas dan membawa kemunduran kepada bangsa Indonesia.
Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 30 & 34

9 B

Ulasan: Nasionalisme di Thailand berbeza daripada gerakan nasionalisme di negara lain di Asia Tenggara yang bersifat antipenjajah dan memperjuangkan kemerdekaan. Gerakan nasionalisme di Thailand bertujuan mempertahankan kedaulatan negara serta menuntut penglibatan rakyat dalam pemerintahan. Selepas itu, Nai Pridi Phanomyong dan Field Marshal Phibulsongkram menubuhkan Parti Rakyat dan melancarkan Revolusi Thai pada tahun 1932. Revolusi tersebut menamatkan pemerintahan raja berkuasa mutlak.
Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 31

10 B

Ulasan: Perkembangan sistem pendidikan telah melahirkan golongan intelektual seperti lepasan Timur Tengah. Golongan ini telah membawa idea nasionalisme dan menyebarkan idea kemajuan dan pemodenan kepada masyarakat. Golongan ini menggunakan akhbar serta menubuhkan persatuan bersifat sosioekonomi dan politik untuk menyedarkan rakyat tentang nasionalisme.
Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 35

11 A

Ulasan: Kemunculan gerakan nasionalisme di negara kita didorong oleh beberapa faktor seperti kemunculan golongan intelektual yang berpunca daripada perkembangan sistem pendidikan. Selain itu faktor peranan agama, penulisan kreatif, media cetak dan pengaruh luar serta serantau juga menjadi penyebab kemunculan gerakan nasionalisme di negara kita.
Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 34–35

12 A

Ulasan: Gerakan nasionalisme oleh pertubuhan sosioekonomi dan golongan berpendidikan Melayu dan Inggeris menyebabkan British berhati-hati dan bertindak mengadakan beberapa sekatan. Apabila gerakan nasionalisme dikesan oleh British, tokoh seperti Ibrahim Haji Yaakob, Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam ditangkap dan dipenjarakan di Singapura pada tahun 1941. Mereka kemudiannya dibebaskan oleh Jepun pada tahun 1942.
Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 42

Bahagian A

Soalan	Isi	Markah
1(a) <i>Buku Teks</i> <i>Tingkatan 4</i> <i>m.s. 34–35</i>	F1 Peranan agama	1
	F2 Penulisan kreatif	1
	F3 Media cetak	1
	F4 Sistem pendidikan	1
	F5 Kemunculan golongan intelektual	1
	F6 Pengaruh luar dan serantau	1
	Ulasan: Calon dikehendaki menyatakan dua faktor kemunculan gerakan nasionalisme di negara kita pada awal abad ke-20. [Mana-mana 2 x 1 m]	[Maksimum: 2 markah]
1(b) <i>Buku Teks</i> <i>Tingkatan 4</i> <i>m.s. 34–35</i>	Peranan Agama F1 Pelajar melanjutkan pelajaran di Mesir terdedah dengan falsafah perjuangan gerakan Islah di Mesir	1
	F2 Pimpinan Sayyid Jamal al-Din al-Afghani /Sheikh Muhammad Abduh / Rashid Rida	1
	F3 Menyeru umat Islam kembali kepada ajaran Islam sebenar	1
	F4 Berpandukan al-Quran dan hadis	1
	F5 Menentang imperialisme Barat di negara Islam	1
	Media Cetak F6 Akhbar /Majalah menjadi penyalur maklumat dan penyebar berita	1
	F7 Jawi Peranakan menegur campur tangan British dalam soal agama Islam / isu bahasa Melayu di Singapura	1
	F8 <i>Al-Imam/Neracha/Pengasuh</i> memuatkan idea pembaharuan	1
	F9 <i>Fajar Sarawak</i> diterbitkan sebagai wadah mengkritik dasar pemerintahan Brooke yang mengabaikan hak bumiputera Sarawak	1
	F10 Akhbar <i>Sekola Melayu</i> digunakan untuk bahan bacaan di sekolah Melayu	1
	Penulisan Kreatif F11 Novel /cerpen /puisi tokoh nasionalis	1
	F12 Mengungkapkan keperitan hidup bangsa yang dijajah /penderitaan rakyat	1
	F13 Menaikkan semangat rakyat memahami realiti hidup yang dijajah	1
	F14 Menyindir penjajah /mengingatkan anak bangsa kepentingan menikmati kebebasan	1
	F15 Contohnya novel <i>Melor Kuala Lumpur</i> /cerpen <i>Cerita Awang Putat /Putera Gunung Tahan/Anak Mat Lela Gila</i>	1

Pengaruh Luar dan Serantau		
F16 Kebangkitan Pan-Islamisme di empayar	1	
F17 Uthmaniyah menyedarkan umat Islam untuk bersatu menentang ancaman luar/ Pengaruh Gerakan Islah di Mesir menggesa umat Islam melakukan pembaharuan yang progresif	1	
F18 Kemunculan Jepun menewaskan Rusia	1	
F19 Menyedarkan penduduk tempatan untuk memperjuangkan nasib mereka	1	
F20 Gerakan Revolusi China turut menimbulkan kesedaran nasionalisme	1	
F21 Idea perjuangan Mahatma Gandhi di India menentang British tanpa kekerasan menjadi inspirasi pergerakan nasionalisme	1	
F22 Perjuangan Jose Rizal di Filipina	1	
F23 Soekarno di Indonesia menyemarakkan usaha menentang penjajah di negara kita	1	
Sistem Pendidikan		
F24 Pendidikan moden Islam/ Penubuhan madrasah meniupkan semangat baharu kepada pelajar pada awal abad ke-20	1	
F25 Madrasah al-Attas di Johor Bahru /Madrasah al-Masyhur di Pulau Pinang/ Madrasah al-Idrisiyah di Kuala Kangsar	1	
F26 Menerima idea nasionalisme melalui kunjungan para ulama Kaum Muda dari Sumatera Barat	1	
F27 Pelajar dari Mesir yang pulang menyebarkan idea kemajuan dan pemodenan kepada masyarakat	1	
F28 Raffles Institution di Singapura /Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK)/ Maktab Perguruan Sultan Idris melahirkan golongan yang memimpin rakyat menuntut hak mendapatkan pendidikan	1	
F29 Pelajar didedahkan dengan idea tokoh falsafah Islam dan Barat	1	
Kemunculan Golongan Intelektual		
F30 Lahir golongan intelektual lepasan Timur Tengah /Syed Sheikh al-Hadi	1	
F31 Menggerakkan idea pembaharuan dalam masyarakat	1	
F32 Intelektual lepasan pendidikan Inggeris dan Melayu	1	
F33 Abdul Kadir Adabi /Dato' Undang Rembau Abdullah Haji Dahan / Mohammad Eunus Abdullah/Ustaz Abu Bakar Mohd Said /Ibrahim Haji Yaakob	1	
F34 Menggunakan akhbar/ menubuhkan persatuan bersifat 1 sosioekonomi dan politik untuk menyedarkan rakyat tentang nasionalisme	1	
Ulasan: Calon dikehendaki menjelaskan faktor-faktor kemunculan gerakan nasionalisme di 1(a).		
[Mana-mana 4 x 1m]		[Maksimum: 4 markah]

1(c) KBAT	F1 Generasi muda sebagai modal insan bakal pemimpin negara	1
	F2 Memiliki idea-idea baharu /bernas /berwawasan	1
	F3 Lebih kreatif dan inovatif	1
	F4 Pemangkin kemajuan negara	1
	F5 Pembela tanah air /pewaris bangsa	1
	Ulasan: Calon dikehendaki untuk memberikan kepentingan semangat cinta akan negara penting kepada generasi muda. [Mana-mana jawapan munasabah] [Mana-mana 4 x 1 m]	[Maksimum: 4 markah]
2 Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 36	F1 Kaum Muda	1
	F2 Menyalurkan idea melalui Gerakan Islah	1
	F3 Menjadikan agama Islam sebagai asas kemajuan dunia dan akhirat	1
	F4 Memajukan ekonomi, pendidikan, politik dan sosial orang Melayu	1
	F5 Mendorong masyarakat Melayu membetulkan pandangan terhadap Islam	1
	F6 Kembali kepada ajaran Islam sebenar	1
	F7 Berpandukan al-Quran dan hadis	1
	F8 Menyematkan sikap mengkritik penjajah	1
	F9 Mengkritik raja dan pembesar Melayu yang tidak berperanan memajukan orang Melayu	1
	F10 Tokoh seperti Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin/ Syed Sheikh al-Hadi/ Haji Abbas Mohd Taha/ Dr. Burhanuddin al-Helmi	1
	F11 Kaum Muda bergerak baik di Negeri-negeri Selat.	1
	F12 Menjalankan kegiatan dakwah Islam perlu kebenaran sultan	1
	F13 Menyebarkan risalah dan buku Kaum Muda tidak dibenarkan	1
	F14 Tekanan British tidak dapat menghalang gerakan Islah	1
	F15 Menubuhkan madrasah untuk menyebarkan fahaman Islah	1
	F16 Kesedaran pentingnya pendidikan menyebabkan lebih banyak madrasah ditubuhkan	1
	F17 Madrasah al-Attas/ Madrasah al-Khairiah al-Islamiyah/ Maahad al-Ehya Assharif	1
	F18 Membawa kemajuan/ pemodenan sikap/ pentafsiran Islam	1
	F19 Wanita berpeluang belajar	1
	F20 Menyatukan rumpun Melayu	1
	F21 Idea disalurkan melalui akhbar/ Majalah	1
	F22 <i>Al-Imam/ Al-Ikhwan/ Neracha/ Tunas Melayu/ Idaran Zaman/ Pengasuh</i>	1

	F31 Penentangan penyerahan Sabah	1
	F32 Gerakan nasionalis radikal	1
	F33 Gabungan PUTERA-AMCJA	1
	F34 Mencadangkan Perlembagaan Rakyat	1
	F35 Perjuangan ke arah kemerdekaan	1
	F36 Penubuhan PTM 1948	1
	F37 Mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu	1
	F38 Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu	1
	F39 Penubuhan Sistem Ahli	1
	F40 Pembentukan kabinet pertama	1
	F41 Rundingan kemerdekaan	1
	F42 Penubuhan Suruhanjaya Perlembagaan PTM	1
	F43 Penubuhan PTM 1957	1
	F44 Pengisytiharan kemerdekaan	1
	F45 Penglibatan dalam pertubuhan Serantau/ Antarabangsa	1
3(a)(ii) <i>Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 42</i>	Ulasan: Calon dikehendaki menerangkan kesan perkembangan semangat nasionalisme dari aspek politik. Skop soalan luas, membolehkan calon memberikan jawapan sehingga ke arah kemerdekaan negara. [Mana-mana 4 × 1m]	[Maksimum: 4 markah]
	F1 Membangkitkan semangat berniaga dalam kalangan masyarakat Melayu	1
	F2 Menubuhkan persatuan kebajikan	1
	F3 al-Jamiah al-Khairiah ditubuhkan di Singapura	1
	F4 Menulis rencana berinformasi tentang kepentingan kemajuan	1
	F5 Za'ba membangkitkan isu meningkatkan taraf hidup semasa mengajar di SITC	1
	F6 Beliau menyedarkan guru pelatih pentingnya pendidikan tinggi	1
	F7 Kepentingan kurikulum bahasa Inggeris	1
	F8 Akhbar bahasa Inggeris/ <i>The Malay Mail</i> / <i>The Malays Tribune</i> berusaha mengasaskan dana	1
	F9 Membantu orang Melayu melanjutkan pelajaran ke luar negara	1
	F10 Tunku Abdul Rahman/ Tunku Yaacob/ Mohd Zain Ariffin	1
	F11 Penubuhan syarikat kerjasama	1
	F12 Mengurangkan kemasukan orang dagang yang mengancam ekonomi orang Melayu	1
	F13 Menyeru orang Melayu berjimat cermat	1
	F14 Penubuhan Bank Kebangsaan Melayu	1
	F15 Meningkatkan taraf hidup rakyat	1
	F16 Menyusun semula masyarakat	1
	F17 Membasmi kemiskinan	1

3(b) KBAT	F18 Kemakmuran negara diagihkan secara adil Ulasan: Calon dikehendaki menerangkan kesan perkembangan semangat nasionalisme dari aspek ekonomi. Skop soalan luas, membolehkan calon memberikan jawapan sehingga ke arah kemerdekaan negara. [Mana-mana $4 \times 1m$]	1
	Tugasan 1: Mesej yang terkandung dalam petikan	
	F1 Golongan intelektual berperanan dalam pembinaan dan pembangunan negara bangsa	1
	F2 Kemerdekaan yang dicapai terhasil daripada perjuangan golongan intelektual	1
	F3 Perjuangan golongan ini tidak mementingkan imbuhan atau kepentingan diri semata	1
	F4 Kerjasama pemerintah dan golongan intelektual telah berjaya menggubal dasar negara	1
	F5 Pembangunan negara perlulah mendapat sentuhan idea intelektual	1
	F6 Menanamkan sentimen kerakyatan dan kesetiaan dalam kalangan rakyat terhadap pembinaan negara bangsa bernama Malaysia	1
	Tugasan 2: Iktibar yang boleh diambil daripada petikan yang diberikan	
	F7 Kepakaran semua golongan perlu untuk membangunkan negara	1
	F8 Usaha membangunkan negara perlu jujur dan amanah	1
	F9 Kemerdekaan negara haruslah dihargai dan dijaga oleh semua golongan rakyat dan pemerintah	1
	F10 Kerjasama antara pemerintah dan golongan intelektual untuk membangunkan negara	1
	F11 Memupuk sikap bersatu padu dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum	1
	Ulasan: Calon dikehendaki menghuraikan mesej dan iktibar yang boleh diambil daripada petikan yang diberikan. Calon boleh menggunakan dan mengolah jawapan daripada petikan bagi menjawab tugas pertama. Calon perlu menjawab kedua-dua tugas bagi mendapat markah penuh. [Mana-mana jawapan munasabah] [Mana-mana $8 \times 1m$]	[Maksimum: 8 markah]

Bab 3

KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA

KERTAS 1

1 A

Ulasan: Deklarasi 14 Perkara Woodrow Wilson merupakan asas perdamaian yang merangkumi dua prinsip utama, iaitu penentuan nasib negara oleh rakyat sendiri dan sempadan negara berasaskan bangsa.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 56

2 A

Ulasan: Perjanjian Versailles ditandatangani antara Pakatan Bertiga dengan Jerman pada

28 Jun 1919. Berdasarkan perjanjian tersebut, Jerman dikehendaki bertanggungjawab terhadap kemusnahan akibat perang, membayar pampasan kepada Pakatan Bertiga, mengehadkan saiz angkatan tentera dan menyerahkan wilayah dan tanah jajahan kepada Pakatan Bertiga. Jerman menganggap Perjanjian Versailles tidak adil dan menjejaskan kedaulatan negaranya. Gerakan nazisme di bawah pimpinan Adolf Hitler telah berusaha untuk memulihkan nasionalisme Jerman dengan mengetepikan Perjanjian Versailles. Hitler

membina angkatan tentera semula dan seterusnya menduduki Rhineland semula, wilayahnya yang hilang melalui Perjanjian Versailles.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 56 & 58

3 A

Ulasan: Perang Dunia Pertama berlaku dalam kalangan negara di Eropah termasuk empayar Uthmaniyah. Antara faktor yang mencetuskan Perang Dunia Pertama termasuklah persaingan kuasa imperialis, pembentukan pakatan ketenteraan dan konflik di rantau Balkan yang menyebabkan pembunuhan pewaris takhta Austria-Hungary oleh orang Serbia yang seterusnya menjadi faktor serta merta PD1.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 54

4 C

Ulasan: Permusuhan antara kuasa Eropah membawa pembentukan pakatan ketenteraan seperti pakatan Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga. Kewujudan pakatan ketenteraan menyebabkan ketidakstabilan politik berterusan di Eropah. Seiring dengan persaingan mendapatkan tanah jajahan dan sumber bahan mentah, negara dalam pakatan turut bersaing menghasilkan senjata moden dan sedia berperang bagi mempertahankan kepentingan masing-masing.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 54

5 D

Ulasan: Pakatan ketenteraan merupakan salah satu faktor dan pihak yang terlibat dalam Perang Dunia Pertama yang melibatkan pakatan Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga. Pakatan Bertiga dianggotai oleh Britain, Perancis dan Rusia. Pakatan ini disokong oleh Serbia, Itali, Romania, Portugal dan Greece. Manakala Kuasa Tengah dianggotai oleh Jerman dan Austria-Hungary yang kemudian disertai oleh Bulgaria dan empayar Uthmaniyah.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 54

6 A

Ulasan: Melalui Perjanjian Versailles, Jerman dikehendaki bertanggungjawab terhadap kemusnahan akibat perang, membayar pampasan, menghadkan saiz tentera dan menyerahkan wilayah dan tanah jajahannya. Walau bagaimanapun, kemunculan ideologi nazisme pimpinan Adolf Hitler telah menyebabkan Jerman menandatangani Perjanjian Versailles dengan membina angkatan tentera Jerman untuk mendapatkan kembali tanah jajahan Jerman.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 58

7 B

Ulasan: Jepun mempunyai angkatan tentera paling moden di Asia. Di bawah pengaruh tentera, dasar luar Jepun terarah kepada matlamat mengembangkan kuasa, mewujudkan kebebasan ekonomi dan menentang imperialisme Barat. Dasar peluasan kuasa Jepun telah mendapat reaksi daripada pihak Bersekutu. Amerika Syarikat, British dan Belanda mengenakan sekatan ekonomi untuk menghalang Jepun daripada memperoleh bahan mentah yang diperlukan untuk industri dan operasi perang. Sebagai jalan keluar daripada sekatan ekonomi pihak Bersekutu, Jepun merancang untuk menguasai wilayah di selatan merangkumi Asia Tenggara yang kaya dengan bahan mentah seperti bijih timah, getah, bauksit dan petroleum.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 64–65

8 C

Ulasan: Kedudukan negara kita bukan sahaja strategik sebagai laluan perdagangan Timur dan Barat tetapi juga strategik untuk dijadikan pangkalan tentera seperti zaman Jepun. Kedudukan Singapura di hujung Semenanjung Tanah Melayu boleh membuka laluan penguasaan Jepun terhadap telaga minyak di Sumatera. Borneo pula boleh membuka jalan penaklukan Jepun ke Pulau Jawa. Pelbagai sumber asli seperti bijih timah, getah, emas, bijih besi, arang batu, minyak dan bauksit juga menjadi faktor kedatangan kuasa asing ke negara kita bagi memenuhi keperluan perindustrian negara asing.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 68

9 A

Ulasan: Jepun telah melaksanakan sistem ekonomi kawalan, iaitu Rancangan Pengeluaran Lima Tahun dan Jawatankuasa Penyelidikan Bahan untuk mengawal selia pelupusan barangan dan membuat penyelidikan kegunaan baharu bagi sumber tempatan. Selain itu, Rancangan Perindustrian Lima Tahun dan memperkenalkan mata wang Jepun (wang pokok pisang) juga dasar ekonomi Jepun bagi menyelesaikan kemelesetan ekonomi.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 71

10 A

Ulasan: Akibat kemelesetan ekonomi, Jepun telah melaksanakan sistem ekonomi kawalan, iaitu Rancangan Pengeluaran Lima Tahun dan Jawatankuasa Penyelidikan Bahan untuk mengawal selia pelupusan barangan dan membuat penyelidikan kegunaan baharu bagi sumber tempatan.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 71

11 C

Ulasan: Leftenan Adnan Saidi dan Leftenan Ibrahim Alla Ditta MC merupakan tokoh daripada Rejimen Askar Melayu yang menentang Jepun. Leftenan Adnan menonjolkan keberanian dan sanggup berkorban untuk tanah air semasa pertempuran di Bukit Candu. Manakala Leftenan Ibrahim Alla Ditta MC pula menyelamatkan hampir 2000 orang tentera Bersekutu yang terperangkap di kawasan pantai Johor. Beliau juga dianugerahi pingat Military Cross.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 74

12 D

Ulasan: Pemerintahan tentera Jepun yang kejam dan kesengsaraan hidup yang dihadapi oleh rakyat kemudiannya telah mencetuskan penentangan terhadap pendudukan Jepun. Rakyat memberi kerjasama dengan British melalui penentangan pasukan bersenjata seperti Rejimen Askar Melayu, Force 136 dan MPAJA. Pasukan-pasukan ini bukan sahaja melibatkan penduduk tempatan tetapi juga sokongan dan bantuan British seperti bantuan latihan dan bekalan senjata.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 74–78

13 A

Ulasan: Pada peringkat awal Kesatuan Melayu Muda (KMM) bekerjasama dengan Jepun kerana berharap Jepun akan memberi kemerdekaan terhadap Tanah Melayu. Hal ini kerana kejayaan tentera Jepun mengalahkan British menyedarkan orang Melayu bahawa negara daripada Asia juga mampu mengalahkan kuasa Barat.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 80

14 D

Ulasan: Amerika Syarikat telah menggunakan bom atom dalam serangan terhadap Jepun pada Ogos 1945 bagi menghalang kemaraan Jepun di Asia. Pada 6 Ogos 1945 Bom Atom “Little Boy” telah digugurkan di Hiroshima. Namun kabinet Jepun memutuskan untuk meneruskan peperangan. Pada 9 Ogos 1945, bom atom “Fat Man” digugurkan di bandar Nagasaki menyebabkan Maharaja Jepun mengumumkan untuk menyerah kalah pada 15 Ogos 1945. Serangan bom atom menyebabkan kekalahan tentera Jepun dan pengakhiran Perang Dunia Kedua.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 82

KERTAS 2

Bahagian A

Soalan	Isi	Markah
1(a)	F1 Jerman	1
<i>Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 54</i>	F2 Austria-Hungary	1
	F3 Bulgaria	1
	F4 Uthmaniyah	1
	F5 Britain	1
	F6 Perancis	1
	F7 Rusia	1
	F8 Serbia	1
	F9 Itali	1
	F10 Romania	1
	F11 Portugal	1
	F12 Greece	1
	Ulasan: Calon dikehendaki menyatakan dua negara yang terlibat dalam Perang Dunia Pertama.	
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[Maksimum: 2 markah]

1(b) <i>Buku Teks</i> <i>Tingkatan 4</i> <i>m.s. 54</i>	F1 Persaingan kuasa imperialis	1
	H1a Perkembangan Revolusi Industri	1
	H1b Bersaing untuk mendapatkan tanah jajahan	1
	H1c Bagi memperoleh bahan mentah	1
	H1d Seperti arang batu/ petroleum/ bijih timah	1
	H1e Serta memasarkan hasil industri	1
	H1f Membawa kepada permusuhan antara kuasa imperialis di Eropah	1
	H1g Seperti Perancis/ Jerman	1
	F2 Pakatan ketenteraan	1
	H2a Muncul disebabkan oleh permusuhan antara kuasa Eropah	1
	H2b Seperti Pakatan Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga	1
	H2c Pakatan Kuasa Tengah terdiri daripada Jerman/ Austria-Hungary	1
	H2d Pakatan ini kemudiannya disertai oleh Bulgaria/ empayar Uthmaniyah	1
	H2e Pakatan Bertiga terdiri daripada Britain/ Perancis/ Rusia	1
	H2f Pakatan ini disokong oleh Serbia/ Itali/ Romania/ Portugal/ Greece	1
	H2g Negara turut bersaing menghasilkan senjata moden	1
	H2h Dan sedia berperang	1
	H2i Bagi mempertahankan kepentingan masing-masing	1
	F3 Krisis rantau Balkan	1
	H3a Berlaku akibat permusuhan Austria-Hungary dengan Serbia	1
	H3b Austria-Hungary menuduh Serbia menghasut rakyat Austria berketurunan Serb	1
	H3c Supaya berjuang membebaskan diri daripada pemerintahan Austria-Hungary	1
	H3d Kemuncak krisis pembunuhan Archduke Ferdinand/ Putera Mahkota Austria-Hungary dan isterinya oleh pemuda Serbia	1
	Ulasan: Calon dikehendaki menjelaskan sebab atau faktor Perang Dunia Pertama.	
	[Mana-mana 4 × 1m]	[Maksimum: 4 markah]
1(c) <i>KBAT</i>	F1 Menyelesaikan sebarang bentuk masalah di meja rundingan/ perbincangan	1
	F2 Menghentikan perlumbaan mencipta senjata/ nuklear/ bom atom yang boleh merosakkan keamanan dunia	1
	F3 Memupuk semangat saling bekerjasama antara satu sama lain	1
	F4 Mengamalkan sikap tolong-menolong/ bantu-membantu	1
	F5 Contohnya negara yang dilanda musibah/ bencana/ kebuluran/ kemiskinan/ Tsunami di Aceh/ kebuluran di Afrika/ kemiskinan di negara dunia ketiga	1

© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

	F21 Terbentuknya pakatan Kuasa Paksi F22 Jerman menghantar pakar ketenteraan F23 Mengkaji serangan terhadap wilayah selatan F24 Industri pembuatan kapal terbang Jepun F25 Pangkalan/ Armada tentera Amerika Syarikat di Hawaii lumpuh F26 Keperluan operasi/ strategik ketenteraan Ulasan: Calon dikehendaki menjelaskan sebab/ faktor Jepun menjajah Asia Tenggara [Mana-mana $4 \times 1m$]	1 1 1 1 1 1 [Maksimum: 4 markah]
3 <i>Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 68</i>	F1 Propaganda Jepun F2 Menanamkan semangat antipenjajah Barat F3 Menonjolkan imej Jepun F4 Jepun sebagai pembela negara Asia F5 Membuktikan kemampuan orang Asia F6 Memenangi hati F7 Mendapatkan kerjasama penduduk Ulasan: Calon dikehendaki memberikan tujuan akhbar <i>Semangat Asia</i> yang diterbitkan oleh Jepun semasa menjajah Tanah Melayu. [Mana-mana $2 \times 1m$]	1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum: 2 markah]
4 <i>Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 80–81</i> KBAT	F1 Menanam semangat antipenjajah Barat dalam kalangan penduduk Asia F2 Menonjolkan imej Jepun sebagai pembela negara Asia F3 Menekankan kebebasan negara Asia F4 Menentukan kemajuan Asia F5 Meningkatkan persaudaraan sejagat F6 Sesuai dengan hasrat golongan nasionalis tempatan F7 Kesatuan Melayu Muda (KMM) bekerjasama dengan Jepun F8 KMM berharap Jepun beri kemerdekaan kepada Tanah Melayu F9 Kejayaan Jepun mengalahkan Barat menyedarkan masyarakat tempatan F10 Orang Asia mampu mengalahkan orang Eropah yang dianggap kuasa besar Ulasan: Calon dikehendaki untuk memberikan pendapat mengenai slogan “Semangat Asia” yang digunakan oleh Jepun untuk menguasai negara Asia. Calon boleh memberikan mana-mana jawapan yang berkaitan kesan penguasaan Jepun di Asia yang membawa kepada gerakan nasionalisme tempatan dan pendudukan Jepun. [Mana-mana jawapan munasabah] [Mana-mana $4 \times 1m$]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum: 4 markah]

Bahagian B

Soalan	Isi	Markah
5(a) <i>Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 58–59</i>	F1 Kemunculan ideologi baharu	1
	H1a Fasisme di Itali	1
	H1b Pimpinan Benito Mussolini	1
	H1c Kepentingan negara melebihi kepentingan individu	1
	H1d Nasionalisme melampau termasuk berperang	1
	H1e Meningkatkan imej negara	1
	H1f Itali menjajah Habsyah (Ethiopia)/Albania	1
	H1g Nazisme di Jerman	1
	H1h Pimpinan Adolf Hitler	1
	H1i Membentuk kerajaan di Jerman pada tahun 1933	1
	H1j Mengagungkan bangsa Jerman	1
	H1k Memulihkan bangsa Jerman	1
	H1l Mengeneipkan Perjanjian Versailles	1
	H1m Membina angkatan tentera semula	1
	H1n Menduduki Rhineland semula	1
	F2 Ketidakpuasan hati terhadap Perjanjian Versailles	1
	H2a Jerman anggap Perjanjian Versailles tidak adil	1
	H2b Menjejaskan kedaulatan negara Jerman	1
	H2c Jerman kehilangan tanah jajahan	1
	H2d Terpaksa membayar pampasan perang yang tinggi	1
	H2e Jerman mengalami kemelesetan ekonomi dan inflasi yang teruk	1
	H2f Itali tidak berpuas hati kerana tidak diberikan tanah jajahan baharu	1
	H2g Mengurangkan saiz angkatan tentera	1
	F3 Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa	1
	F3a Liga Bangsa-Bangsa gagal menguatkuasakan perjanjian perlucutan senjata	1
	H3b Gagal menangani krisis pencerobohan selepas Perang Dunia Pertama	1
	H3c Dunia terdedah kepada konflik berterusan	1
	Ulasan: Calon dikehendaki menjelaskan faktor teretusnya Perang Dunia Kedua di Eropah.	
	[Mana-mana 6 × 1m]	[Maksimum: 6 markah]
5(b) <i>Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 62–63</i>	F1 Kerjasama Kuasa Besar	1
	F2 Presiden Amerika Syarikat/Perdana Menteri Britain/Presiden Rusia Joseph Stalin/ Franklin Roosevelt/Winston Churchill	1
	F3 Bertemu untuk membuat keputusan politik/ketenteraan	1
	F4 Melibatkan ketiga-tiga perkhidmatan tentera darat/udara/laut	1
	F5 Beroperasi di bawah Komander Tertinggi Bersekutu	1
	F6 Diketuai oleh Amerika Syarikat	1

5(c) KBAT	F7 Keberkesanan strategi serangan Tentera Bersekutu	1
	F8 Operasi Kod “D-Day”	1
	F9 Tentera Bersekutu mendarat di Normandy, Perancis	1
	F10 Memperdaya tentera Jerman dalam menyebarkan maklumat	1
	F11 Meyakinkan tentera Jerman bahawa Tentera Bersekutu mendarat di Calais	1
	F12 Meningkatkan semangat Tentera Bersekutu	1
	F13 Berjaya membebaskan Perancis dan negara Eropah Barat daripada penaklukan Jerman	1
	F14 Tentera Bersekutu memasuki Jerman dari arah barat	1
	F15 Rusia menyerang Jerman dari arah timur	1
	Ulasan: Calon dikehendaki membincangkan mengenai kejayaan kerjasama dan kesepakatan pihak Bersekutu yang akhirnya membawa kepada tamatnya Perang Dunia Kedua di Eropah.	
	[Mana-mana 6 × 1m]	[Maksimum: 6 markah]
	M1 Peperangan menyebabkan banyak kemusnahan	1
	M2 Kematian menyebabkan kesedihan yang berpanjangan	1
	M3 Penduduk kehilangan tempat tinggal	1
6 Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 68	M4 Pemimpin harus mencapai kata sepakat	1
	M5 Mencari jalan untuk menamatkan peperangan	1
	M6 Buang sikap mementingkan diri /ego	1
	M7 Berusaha membawa keamanan kepada penduduk	1
	Ulasan: Calon dikehendaki menghuraikan mesej kepada pemimpin dunia supaya dunia aman dan selamat untuk didiami. Calon boleh menggunakan dan mengolah jawapan daripada gambar sebagai mesej yang mahu disampaikan kepada pemimpin.	
	[Mana-mana jawapan munasabah] [Mana-mana 8 × 1m]	[Maksimum: 8 markah]
	F1 Keperluan ekonomi/ pasaran	1
	H1a Keperluan perindustrian	1
	H1b Tanah Melayu mempunyai banyak bahan mentah	1
	H1c Bijih timah/ getah/ emas/ besi/ arang batu/ bauksit	1
	H1d Sumber minyak utama	1
	H1e Miri/ Lutong	1
	H1f Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya	1
	H1g Mengukuhkan ekonomi Jepun	1
	F2 Kepentingan strategik	1
	H2a Kedudukan negara kita strategik	1
	H2b Sesuai untuk ketenteraan Jepun	1
	H2c Singapura pangkalan tentera British	1
	H2d Diperlukan untuk penguasaan minyak di Sumatera	1
	H2e Penguasaan Borneo penting	1
	H2f Untuk operasi tentera di Jawa	1

7(b) KBAT	F1 Hubungan sesama kaum semakin renggang	1
	H1a Menyebabkan perpaduan semakin goyah	1
	H1b Hal ini kerana selepas kekalahan Jepun pergaduhan sering berlaku	1
	H1c Bintang Tiga menguasai Tanah Melayu	1
	H1d Menubuhkan mahkamah sendiri yang dikendalikan oleh komunis	1
	H1e Menghukum sesiapa yang bekerjasama dengan Jepun	1
	H1f Hubungan orang Melayu-Cina renggang	1
	H1g Orang Melayu bangkit menentang	1
	H1h Pergaduhan kaum berlaku	1
	H1i Negara tidak aman	1
	Ulasan: Calon dikehendaki menghuraikan kesan hubungan renggang dalam kalangan penduduk tempatan selepas pendudukan Jepun di negara kita.	
[Mana-mana jawapan munasabah] [Mana-mana 8 × 1m]		[Maksimum: 8 markah]

Bab 4

ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA

KERTAS 1

1 B

Ulasan: Pemerintahan British Military Administration (BMA) bermula apabila Jepun menyerah kalah pada 1945. Tugas BMA adalah mengembalikan kestabilan dan keamanan negara dan memulihkan kepercayaan rakyat.
Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 94

2 B

Ulasan: Bermula dengan Negeri-negeri Melayu Bersekutu merangkumi gabungan negeri Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan yang disatukan di bawah satu pentadbiran. Pentadbiran ini diteruskan dengan cadangan gabungan antara Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dan dua buah negeri selat menjadi satu unit pentadbiran yang dipanggil kesatuan. Manakala Persekutuan Tanah Melayu 1948 merupakan gabungan sembilan buah negeri-negeri di Tanah Melayu dan dua buah negeri selat di bawah satu pentadbiran yang dipanggil persekutuan.
Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 97 & 126

3 A

Ulasan: Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-negeri Selat kecuali Singapura disatukan menjadi satu unit pentadbiran di bawah Malayan Union bagi mengurangkan kos pentadbiran. British juga berhasrat agar Malayan Union akan

melicinkan sistem pentadbiran, meningkatkan pelaburan ekonomi, mengukuhkan pertahanan dan mengekalkan orang asing sebagai sumber tenaga kerja untuk meningkatkan ekonomi.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 96–97

4 A

Ulasan: Orang Melayu menentang kerakyatan *jus soli* kerana *jus soli* merupakan syarat kewarganegaraan berdasarkan tempat lahir iaitu seluruh rakyat yang dilahirkan di Tanah Melayu dan Singapura diiktiraf sebagai warga Malayan Union. Kerakyatan ini akan menyebabkan ketidakseimbangan antara orang Melayu sebagai penduduk asal dengan orang bukan Melayu. Hal ini akan menyebabkan persaingan yang tinggi dengan orang asing kerana bukan sahaja disebabkan kerakyatan yang longgar tetapi juga kerana ciri Malayan Union yang mengurangkan kuasa raja akan menyebabkan orang Melayu semakin terpinggir.
Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 129

5 A

Ulasan: Perjuangan menentang Malayan Union menunjukkan kekuatan semangat juang dan penyatuan orang Melayu. Menerusi laporan Gammans dan Rees Williams, mereka menyokong penuh terhadap penubuhan Persekutuan Tanah Melayu kerana bantahan terhadap Malayan Union membuka mata British tentang keburukan Malayan Union.
Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 106

6 D

Ulasan: Sultan Kedah, Perak dan Johor mengutus surat bantahan kepada George Henry Hall, mendakwa baginda diperdaya oleh MacMichael. Beberapa orang raja mendakwa diugut supaya menurunkan tandatangan tanpa menyedari akibatnya. Raja-raja Melayu memohon British memansuhkan persetujuan yang ditandatangani itu.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 100

7 B

Ulasan: Pada 1 Julai 1946, Hari Penyerahan Sarawak diisytiharkan di Kuching menyebabkan taraf Sarawak sebagai negeri naungan British dimansuhkan. Sarawak disahkan sebagai tanah jajahan British selepas Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 108

8 A

Ulasan: Rosli Dhoby merupakan anggota Kumpulan Rukun 13 yang memperjuangkan antipenyerahan Sarawak kepada British. Kumpulan Rukun 13 ini menyasarkan pembunuhan pegawai tinggi British, iaitu Duncan Stewart. Pembunuhan ini dilakukan oleh Rosli Dhoby yang juga dikenali sebagai peristiwa "Sungkit Berdarah". Pembunuhan itu menyebabkan beliau dihukum gantung sehingga mati. Walaupun gerakan antipenyerahan ini berjaya digagalkan oleh British tetapi telah membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat Sarawak.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 112

KERTAS 2

Bahagian A

Soalan	Isi	Markah
1	F1 Melicinkan pentadbiran F2 Meningkatkan pelaburan/ ekonomi F3 Memperkukuh pertahanan F4 Mengekalkan orang asing sebagai sumber tenaga F5 Usaha menakluki negara F6 Membolot kekayaan negara F7 Menjimatkan perbelanjaan/ kos F8 Ke arah berkerajaan sendiri F9 Membentuk bangsa Malayan Union F10 Pendatang melupakan negara asal/ menumpukan taat setia F11 Mengurangkan kuasa politik orang Melayu Ulasan: Calon dikehendaki untuk memberikan sebab British memperkenalkan Malayan Union di Tanah Melayu.	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1
	[Mana-mana 3 × 1m]	[Maksimum: 3 markah]
2(a)	F1 Masalah pewarisan takhta H1a Vyner Brooke semakin tua/ uzur H1b Vyner Brooke tiada anak lelaki sebagai pewaris H1c Enggan melantik anak saudara sebagai pengganti F2 Desakan kerajaan British H2a Mahu kuasa yang lebih luas di Sarawak H2b Ingin menjadikan Sarawak tanah jajahan H2c Menguasai kekayaan ekonomi/ pelaburan H2d Pejabat Tanah Jajahan mendesak penyerahan F3 Masalah kewangan H3a Sukar memulihkan semula Sarawak	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1

2(b) KBAT	H3b Sumber ekonomi musnah akibat perang C3a Lombong minyak/ ladang getah H3d Tidak mampu memulihkan kemudahan asas C3b Kesihatan/ jalan raya/ pendidikan/ lapangan terbang Ulasan: Calon dikehendaki menjelaskan sebab Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British.	1 1 1 1
	[Mana-mana 3 × 1m] [Maksimum: 3 markah]	
	F1 Menimbulkan kemarahan penduduk tempatan H1a Mendapat bantahan/ tentangan penduduk H1b Demonstrasi diadakan secara aman H1c Menyedarkan penduduk asal tentang muslihat orang asing H1d Semua penjajah sama F2 Penduduk lebih bersatu menghadapi permasalahan H2a Sedar muslihat penjajah F3 Penjajahan dilaksanakan H3a Di bawah Pejabat Tanah Jajahan British	1 1 1 1 1 1 1 1
	Ulasan: Calon dikehendaki untuk menjelaskan kesan tindakan British dan Vyner Brooke.	
	[Mana-mana jawapan munasabah] [Mana-mana 4 × 1m] [Maksimum: 4 markah]	
3(a) Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 114	F1 Memenuhi kepentingan British F2 Menggantikan jajahan British F3 Membekalkan bahan mentah F4 Pasaran barangan British F5 Meneruskan dasar British dalam hubungan luar F6 Masalah kewangan SBUB F7 Kekurangan dana F8 Pemulihan prasarana memerlukan kos yang besar F9 British menguasai pertahanan Sabah Ulasan: Calon dikehendaki menyatakan dua sebab Sabah diserahkan kepada British.	1 1 1 1 1 1 1 1 1
	[Mana-mana 2 × 1m] [Maksimum: 2 markah]	
	3(b) Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 116–117	
	F1 Tidak mendapat tentangan rakyat tempatan Sabah /Kumpulan etnik berbeza dari aspek bahasa /budaya /sistem kepercayaan /petempatan /kegiatan ekonomi F2 Pemimpin Sabah sukar menghimpunkan kesemua etnik dalam satu pertubuhan F3 Dasar British menghadkan peluang penduduk tempatan melibatkan diri dalam pentadbiran F4 Penduduk Sabah kurang pengalaman dalam sistem birokrasi Barat F5 Penduduk Sabah anggap penyerahan sebagai peluang melibatkan diri dalam pentadbiran	1 1 1 1 1

3(c) KBAT	F6 Memajukan bidang perniagaan /meluaskan jaringan perdagangan	1
	F7 Membangunkan Sabah selepas perang	1
	F8 Penduduk kebanyakannya enggan melibatkan diri dalam aktiviti menentang penyerahan Sabah kepada British	1
	F9 British menindas kegiatan berpersatuan	1
	F10 Masalah kewangan /kekurangan pemimpin berkebolehan	1
	F11 British menawarkan jawatan dan kenaikan pangkat	1
	F12 British memindahkan pemimpin ke bandar lain	1
	F13 Tidak memahami tujuan penyerahan	1
	F14 British melumpuhkan gerakan nasionalisme	1
	Ulasan: Calon dikehendaki menjelaskan reaksi penduduk tempatan terhadap penyerahan tersebut.	
	[Mana-mana 4 × 1m] [Maksimum: 4 markah]	
	F1 Bersiap sedia mempertahankan maruah bangsa	1
	F2 Mempertahankan keselamatan negara	1
	F3 Memperkukuhkan sistem pertahanan negara	1

- F4 Bekerjasama mengekalkan kedaulatan negara
- F5 Memodenkan aset ketenteraan
- F6 Rakyat bersatu padu menjaga keamanan negara
- F7 Bekerjasama dengan pemimpin dalam menyampaikan segala maklumat pencerobohan

Ulasan: Calon dikehendaki untuk mengulas pernyataan yang diberikan. Calon boleh menggunakan stimulus yang diberikan sebagai rangsangan kepada calon untuk menjawab soalan. Calon perlu memberikan berkaitan isu dalam petikan tetapi tidak mengambil ayat dalam petikan.

[Mana-mana jawapan munasabah] [Maksimum: 4 markah]
[Mana-mana 4 × 1m]

Bahagian B

Soalan	Isi	Markah
4 Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 94–95	F1 Mengembalikan keamanan dan kestabilan	1
	F2 Membubarkan pasukan MPAJA	1
	F3 Memulihkan kehidupan rakyat	1
	F4 Mengembalikan kepercayaan rakyat terhadap British	1
	F5 Memperbaiki infrastruktur yang rosak/ jentera	1
	F6 Memperkukuh semula kedudukan British	1
	F7 Menguasai pentadbiran	1
	F8 Membolot kekayaan	1
	F9 Memulihkan ekonomi	1
	F10 Mengatasi kekurangan ubat-ubatan/ bekalan makanan/ kebuluran	1
	F11 Menyelesaikan masalah jenayah/ keganasan	1
	F12 Mengatasi masalah wabak penyakit	1
Ulasan: Calon dikehendaki menjelaskan tujuan British melaksanakan BMA di Tanah Melayu.		
[Mana-mana 4 × 1m] [Maksimum: 4 markah]		

5 <i>Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 96–100</i>	F1 Tanah Melayu menjadi tanah jajahan mutlak British F2 Sultan kehilangan kedaulatan dan kuasa politik F3 Merugikan dan mengancam masa depan orang Melayu F4 Kerakyatan secara <i>jus soli</i>/ semua yang lahir di Tanah Melayu dan Singapura F5 Pegawai British mendapatkan tandatangan sultan secara paksaan F6 Menghapuskan taraf negeri naungan F7 Tanah Melayu menjadi kesatuan F8 Kerajaan negeri terjejas F9 Menghapuskan negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka F10 <i>Status quo</i>/ hak istimewa Melayu tergugat F11 Raja hanya berkuasa dalam hal ehwal Islam/ ahli biasa dalam Malayan Union F12 Sultan tidak diberi masa berunding dengan Majlis Mesyuarat Negeri F13 Semangat setia kawan F14 Masa tidak sesuai membuat perubahan politik F15 Kedudukan agama Islam tercabar F16 Pentadbiran diambil alih oleh Gabenor Ulasan: Calon dikehendaki menjelaskan sebab-sebab orang Melayu menentang pembentukan Malayan Union. [Mana-mana 6 × 1m]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum: 6 markah]
6(a)(i) <i>Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 96–100</i>	F1 Tanah Melayu menjadi tanah jajahan mutlak British F2 Sultan kehilangan kedaulatan dan kuasa politik F3 Merugikan dan mengancam masa depan orang Melayu F4 Kerakyatan secara <i>jus soli</i>/ semua yang lahir di Tanah Melayu dan Singapura F5 Pegawai British mendapatkan tandatangan sultan secara paksaan F6 Menghapuskan taraf negeri naungan F7 Tanah Melayu menjadi kesatuan F8 Kerajaan negeri terjejas F9 Menghapuskan negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka F10 <i>Status quo</i>/ hak istimewa Melayu tergugat F11 Raja hanya berkuasa dalam hal ehwal Islam/ ahli biasa dalam Malayan Union F12 Sultan tidak diberi masa berunding dengan Majlis Mesyuarat Negeri F13 Semangat setia kawan F14 Masa tidak sesuai membuat perubahan politik F15 Kedudukan agama Islam tercabar F16 Pentadbiran diambil alih oleh Gabenor Ulasan: Calon dikehendaki menjelaskan sebab-sebab orang Melayu menentang pembentukan Malayan Union. [Mana-mana 4 × 1m]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum: 4markah]

6(a)(ii) <i>Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 96–100</i>	F1	Raja-raja Melayu membawa kes ke Mahkamah Tinggi England	1
	F2	Sultan Kedah, Perak dan Johor menghantar surat bantahan ke London	1
	F3	Raja-raja mendakwa diugut dan dipaksa	1
	F4	Raja-raja Melayu menyokong Kongres Melayu menolak Malayan Union	1
	F5	Perhimpunan besar-besaran di Kuala Kangsar sempena lawatan Ahli Parlimen British	1
	F6	Permaisuri Perak mengetuai barisan hadapan perarakan	1
	F7	Dato' Onn bin Jaafar mempersembahkan hasrat supaya Raja-raja Melayu bersama-sama rakyat	1
	F8	Raja-raja Melayu memulaukan pelantikan Gabenor Malayan Union	1
	F9	Ribuan orang Melayu berhimpun di hadapan Hotel Station melaungkan "Daulat Tuanku" dan "Hidup Melayu"	1
	F10	Bantahan melalui akhbar mengecam/ mengutuk Malayan Union	1
	F11	Menyeru orang Melayu mengadakan perhimpunan besar-besaran untuk menolak Malayan Union	1
	F12	Melaporkan berita penentangan orang Melayu	1
	F13	Menyedarkan orang Melayu tentang muslihat British/ implikasi pelaksanaan Malayan Union	1
	F14	Bantahan daripada kaum wanita/ cendekiawan/ bekas pegawai British	1
	F15	Persatuan-persatuan Melayu menganjurkan perhimpunan	1
	F16	Bantahan di Kelantan, Kedah dan Johor	1
	F17	Pemimpin persatuan dan sultan bekerjasama mengadakan bantahan	1
	F18	Menganjurkan kongres	1
	F19	Menubuhkan UMNO	1
Ulasan: Calon dikehendaki menjelaskan cara-cara penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union.			
[Mana-mana 4 × 1m]			[Maksimum: 4 markah]
6(b) <i>KBAT</i>	F1	Kita perlu bersikap berani kerana benar	1
	H1a	Untuk mempertahankan hak bangsa dan tanah air daripada penjajahan asing	1
	H1b	Jika takut penindasan akan berterusan	1
	H1c	Hal ini akan menjejaskan masa depan negara kita	1
	H1d	Kerana kita semua akan diperhambakan oleh bangsa asing sekiranya kita tidak mempertahankan kedaulatan negara kita	1
	F2	Selain itu, perpaduan dan kerjasama penting dalam perjuangan	1
	H2	Hal ini menjadikan kita kuat dan fokus kepada matlamat	1
	F3	Seterusnya, ilmu pengetahuan juga penting	1
	H3	Supaya kita peka kepada perkembangan semasa dan tipu muslihat musuh	1

KERTAS 1

1 D

Ulasan: Gabungan PUTERA-AMCJA telah menolak Perjanjian Persekutuan kerana membantah Jawatankuasa Kerja yang tidak mempunyai wakil bukan Melayu. Gabungan ini menganggap Perlembagaan Persekutuan sebagai tidak demokratik, mengukuhkan British dan perkauman.
Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 128

2 B

Ulasan: Ahmad Boestamam menerbitkan akhbar *Suara Rakyat* sebagai wadah untuk membuka minda rakyat ke arah idea ingin bebas dan merdeka.
Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 129

3 B

Ulasan: Golongan nasionalis Melayu radikal melaungkan perjuangan kemerdekaan sejak penghujung tahun 1930-an. Mereka mempunyai matlamat perjuangan, iaitu membebaskan tanah air daripada penjajahan, menyatukan seluruh Tanah Melayu dan enggan berkompromi dengan penjajah untuk mencapai kemerdekaan. Golongan ini juga memperjuangkan hak semua kaum dalam sebuah negara dan memberikan penekanan kepada kebebasan hak bersuara, berhimpun dan menerbitkan akhbar.
Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 129

4 C

Ulasan: Pentadbir British menyokong konsep persekutuan kerana dapat mewujudkan keamanan, kestabilan dan kemajuan ekonomi. Terdapat pegawai tinggi British mendorong British membentuk Persekutuan Tanah Melayu. Antaranya termasuklah Sir Edward Gent, Malcolm MacDonald, Sir Ralph Hone, Gammans, A.T. Newbould, Roland Braddell, W. Linehan dan Theodore Adams. British juga menyokong pembentukan PTM 1948 kerana dapat mengurangkan pengaruh golongan radikal. Hal ini dapat dilihat apabila British menolak cadangan daripada golongan radikal.
Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 129 & 133

5 B

Ulasan: Persekutuan Tanah Melayu (PTM) 1948 telah menggantikan Malayan Union. Orang Melayu menyokong PTM 1948 kerana kuasa Raja-raja Melayu dikembalikan yang membolehkan Raja-raja Melayu memberikan pandangan dalam perkara tertentu dan mengesahkan rang undang-undang. PTM 1948 juga diterima kerana Tanah Melayu dikembalikan taraf naungan dan syarat kewarganegaraan diperketatkan.
Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 135

6 A

Ulasan: Isi kandungan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 ialah sebuah persekutuan dibentuk dengan gabungan sembilan buah negeri Melayu dan dua buah Negeri-negeri Selat. Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British. Konsep Raja Berperlembagaan diwujudkan yang mana membolehkan Majlis Raja-Raja memberikan pandangan dalam perkara tertentu. Pesuruhjaya Tinggi dibantu oleh Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan pada peringkat persekutuan, manakala pada peringkat negeri dibantu oleh Dewan Perundangan Negeri. Hal ini menunjukkan terdapat pembahagian kuasa. Syarat kerakyatan diperketatkan. Kerakyatan *jus soli* hanya diberi kepada rakyat Raja dan rakyat British.
Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 134–135

7 A

Ulasan: Antara perkara yang terkandung dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 termasuklah pentadbiran berbentuk persekutuan; kuasa Raja-raja Melayu dikembalikan dengan terbentuknya Majlis Raja-Raja yang boleh memperkenankan rang undang-undang; perundangan yang mempunyai Majlis Perundangan Persekutuan yang bertanggungjawab dalam hal ehwal luar, ketenteraman awam, kehakiman, perdagangan, komunikasi dan percukaian; serta kewarganegaraan yang diperketatkan melalui kuat kuasa undang-undang dan secara pendaftaran.
Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 134

8 D

Ulasan: Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah mengiktiraf orang Melayu sebagai penduduk asal yang diberi kedudukan istimewa di samping membuka ruang kepada orang bukan Melayu menjadi warganegara dan dijaga kepentingan sah mereka. Hal ini telah mewujudkan kerjasama kaum di samping kedudukan Raja-raja Melayu telah dikembalikan.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 136

9 C

Ulasan: Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 berjaya mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu sebelum perang, menjaga kedudukan istimewa orang Melayu, membuka ruang kewarganegaraan dan mewujudkan perpaduan kaum di negara kita. PTM 1948 merintis pada pembentukan Perlembagaan Tanah Melayu 1957 yang sekali gus membawa kemerdekaan dan berpeluang berkerajaan sendiri.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 136–137

10 A

Ulasan: Pembentukan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain. Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal yang diberikan kedudukan istimewa sebagai balasan kepada membuka ruang kewarganegaraan kepada orang bukan Melayu.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 136–137

11 B

Ulasan: Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 berjaya mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu seperti sebelum perang, menjaga kedudukan istimewa orang Melayu, membuka ruang kewarganegaraan dan mewujudkan perpaduan kaum di negara kita melalui penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC). Persekutuan Tanah Melayu 1948 juga telah menjadi perintis kepada pembentukan Perlembagaan Tanah Melayu 1957 yang sekali gus membawa kemerdekaan.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 137

Bab 6

ANCAMAN KOMUNIS DAN PERISYTIHARAN DARURAT

KERTAS 1

1 B

Ulasan: China merupakan salah satu negara yang menyebarkan ideologi komunis ke Tanah Melayu melalui pembukaan cawangan Parti Kuomintang (KMT) pada hampir setiap bandar di negeri Melayu seperti Muar, Melaka, Seremban, Klang, Kuala Lumpur dan Sungai Petani. Selain itu, penyebaran ideologi komunis adalah melalui pertubuhan seperti Main School yang bergerak dalam kalangan orang Hainan di bawah arahan Parti Komunis China (PKC). Perpecahan antara KMT dan PKC menyebabkan penubuhan parti baharu, iaitu Parti Komunis Malaya (PKM) yang berusaha menyebarkan ideologi komunis ke Tanah Melayu melalui kesatuan sekerja, pertubuhan, akhbar dan sekolah Cina.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 146–147

2 D

Ulasan: Komunisme ialah suatu fahaman atau ideologi politik yang menjadikan ekonomi dan barang pengguna sebagai milik negara. Komunisme ialah ideologi yang diasaskan oleh Karl Marx dan Friedrich Engels. Mereka menulis karya *Communist Manifesto* dan *Das Kapital*.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 146

3 D

Ulasan: Lombong bijih timah dan ladang getah sasaran utama serangan komunis untuk melemahkan ekonomi British. Pada tahun 1948–1956, komunis menyerang 80 lombong di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan. Komunis juga merosakkan pokok getah, kilang estet, rumah asap, rumah kongsi, kedai dan sekolah serta membunuh pekerja. Hal ini menyebabkan pekerja lombong dan ladang getah menderita. Selain mengganggu kerja harian di lombong dan ladang, nyawa mereka turut terancam.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 149

4 A

Ulasan: Komunis telah mencetuskan huru-hara di seluruh negara agar penduduknya hilang keyakinan terhadap British. Antara tindakan komunis ialah melumpuhkan ekonomi, merosakkan infrastruktur, mengancam keselamatan penduduk dan pasukan keselamatan.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 148

5 D

Ulasan: Perisytiharan darurat dilaksanakan setelah komunis membunuh tiga orang pengurus ladang Eropah, iaitu Arthur Walker, John Allison, pengurus Ladang Phin Soon dan pembantunya Ian Cristian.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 148

6 D

Ulasan: Di dalam persidangan Gerakan Komunis Antarabangsa di India, pengikut komunis telah digesa memperhebatkan perjuangan menentang kuasa imperialis di Asia. Jawatankuasa Eksekutif Pusat PKM telah mengambil keputusan untuk melancarkan perjuangan bersenjata bagi menubuhkan Republik Komunis di Tanah Melayu.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 148

7 B

Ulasan: Antara tindakan British dalam Undang-Undang Darurat ialah menahan sesiapa sahaja yang disyaki terlibat dalam pergerakan komunis tanpa sebarang perbicaraan. Mengetatkan undang-undang senjata api dengan mengenakan hukuman mati terhadap mereka yang membawa senjata api dan bahan letupan. Mengharamkan PKM dan parti politik berfahaman radikal. Antaranya termasuklah AWAS, Ikatan Pembela Tanah Air (PETA), Pemuda Radikal Melayu (PERAM), PKMM dan Hizbul Muslimin. Mengenakan hukuman berat kepada sesiapa sahaja yang membantu komunis. Mengeledah rumah kediaman, memagar kampung, mengadakan perintah berkurung, mewujudkan Kampung Baru dan memindahkan serta menempatkan penduduk. Menangkap pemimpin gerakan radikal seperti Ahmad Boestamam, Ishak Haji Muhammad, Abu Bakar al-Baqir dan Khatijah Sidek.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 152

8 B

Ulasan: Rundingan Baling diadakan bagi menamatkan ancaman komunis dan mencapai kemerdekaan. Rundingan ini melibatkan wakil kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, iaitu Tunku Abdul Rahman, Tan Cheng Lock dan David Marshall dengan PKM yang diwakili oleh Chin Peng, Chen Tien dan Rashid Maidin. Dalam rundingan ini, Tunku Abdul Rahman meminta Chin Peng untuk membubarkan PKM, meletakkan senjata dan menyerah diri. Chin Peng pula menetapkan syarat, iaitu permintaan kerajaan akan dituruti seandainya kerajaan bersetuju mengakui PKM sebagai parti politik yang sah. Tunku Abdul Rahman enggan menerima syarat tersebut menyebabkan rundingan ini menemui kegagalan.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 160

9 D

Ulasan: Di bawah Undang-Undang Darurat, kerajaan memperkenalkan sistem pendaftaran kebangsaan dan penggunaan kad pengenalan pada 23 Julai 1948 bagi mengawal pergerakan penduduk. Langkah ini diambil untuk memudahkan pihak keselamatan membezakan orang awam dengan komunis. Di bawah peraturan tersebut, setiap lelaki, wanita dan kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke atas dikehendaki mendaftarkan diri dengan pihak berkuasa. Orang awam dikehendaki membawa kad pengenalan ke mana-mana sahaja.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 156

Analisis Bertopik SPM • Sejarah J34 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

F11	Seperti Ahmad Boestamam/ Ishak Haji Muhammad/ Abu Bakar al-Baqir/ Khatijah Sidek	1
F12	Memperkasa pasukan keselamatan	1
F13	Seperti Polis – Cawangan Khas/ Special Constables/ Polis Hutan	1
F14	Tentera – Askar Melayu/ Askar Komanwel/ Sarawak Rangers	1
F15	Sukarelawan – Home Guard	1
F16	Memperkenalkan sistem pendaftaran kebangsaan	1
F17	Orang ramai yang berumur 12 tahun ke atas mesti mendaftarkan diri dengan pihak berkuasa	1
F18	Memperkenalkan kad pengenalan	1
F19	Rakyat mesti membawa kad pengenalan	1
F20	Melancarkan Rancangan Briggs	1
F21	Mewujudkan Kampung Baru	1
F22	Memindah dan menempatkan penduduk	1
F23	Menyediakan sistem keselamatan dan kemudahan asas	1
F24	Memagar kawasan Kampung Baru	1
F25	Memutuskan hubungan PKM dengan Min Yuen	1
F26	Menyekat bantuan kepada komunis	1
F27	Menawarkan pengampunan kepada komunis	1
F28	Risalah dan pas pengampunan disebar	1
F29	Melancarkan Kempen Bulan Rakyat Melawan Penjahat	1
F30	Menggalakkan rakyat mendaftarkan diri dengan pihak berkuasa	1
F31	Mengajak rakyat bekerjasama menentang komunis	1
F32	Melaksanakan perintah berkurung	1
F33	Operasi pasukan keselamatan dipermudahkan	1
F34	Melancarkan Perang Saraf	1
F35	Berusaha memenangi hati/ fikiran rakyat	1
F36	Menjalin hubungan baik rakyat dengan kerajaan	1
F37	Melakukan lawatan terhadap rakyat jelata	1
F38	Menyelesaikan/ mengenal pasti masalah rakyat	1
F39	Meloggarkan syarat kerakyatan	1
F40	Menarik kaum bukan Melayu menjadi warganegara	1
F41	Berusaha membentuk bangsa yang bersatu	1

	F42 Menawarkan hadiah wang tunai kepada penduduk yang memberikan maklumat tentang komunis	1
	F43 Mendapatkan kepercayaan Orang Asli supaya menyokong kerajaan	1
	F44 Membina kubu yang dilengkapi kemudahan/ makanan	1
	F45 Memajukan perkhidmatan penerangan	1
	F46 Jabatan Penerangan/ radio menjadi medium menimbulkan kesedaran rakyat – menyebarkan risalah	1
	F47 Memperkenalkan kawasan hitam dan kawasan putih	1
	F48 Rundingan Baling membawa pertemuan wakil Tanah Melayu dengan wakil komunis	1
	F49 Kerajaan meminta komunis meletakkan senjata/ serah diri	1
	Ulasan: Calon dikehendaki menjelaskan tindakan pihak kerajaan dalam usaha menangani ancaman komunis.	
	[Mana-mana $8 \times 1m$] [Maksimum: 8 markah]	
2(b)	F1 Negara kita makmur dan kaya dengan bahan mentah dan galian	1
KBAT	C1 Seperti bijih timah/ petroleum	1
	F2 Selain itu, negara kita mempunyai tanah subur	1
	H2a Yang berpotensi untuk pertanian	1
	C2 Seperti tanaman makanan atau tanaman dagangan misalnya, getah	1
	H2b Oleh itu, sumber kekayaan yang ada di negara kita memberikan sumber ekonomi bagi kuasa asing yang menguasai negara kita sama ada PKM mahupun British	1
	F3 Di samping itu, kedudukan negara strategik	1
	H3a Kerana berada di laluan perdagangan Timur-Barat	1
	H3b Hal ini membolehkan aktiviti perdagangan negara kita berkembang	1
	H3c Sehingga mampu menguasai perdagangan dunia	1
	F4 Kedudukan negara kita yang strategik juga sesuai menjadi pangkalan ketenteraan	1
	H4a Hal ini memudahkan penjajah asing meluaskan pengaruh di sebelah Timur	1
	H4b Dengan penguasaan negara kita, ia dapat meninggikan imej kuasa-kuasa besar di mata dunia	1
	Ulasan: Calon dikehendaki menerangkan sebab PKM ingin menguasai Tanah Melayu dan kesungguhan British mempertahankan Tanah Melayu daripada dikuasai oleh PKM. Secara tidak langsung soalan ini meminta calon menerangkan kelebihan negara kita sehingga mampu menyebabkan perebutan kuasa-kuasa asing menguasai negara kita.	
	[Mana-mana jawapan munasabah] [Maksimum: 8 markah]	
	[Mana-mana $8 \times 1m$]	

KERTAS 1

1 D

Ulasan: United Malays National Organisation (UMNO) yang dipimpin oleh Dato' Onn Jaafar berusaha menyatukan orang Melayu untuk mempertahankan hak bangsa Melayu dan kedudukan Raja-raja Melayu. Dengan slogan "Hidup Melayu", UMNO berjuang menentang Malayan Union bagi memelihara *status quo* orang Melayu dan kedaulatan Raja-raja Melayu.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 172

2 B

Ulasan: Kesatuan Melayu Muda (KMM) pimpinan Ibrahim Haji Yaakob memperjuangkan kemerdekaan tanah air melalui konsep Melayu Raya. Idea ini merupakan penyatuan bangsa dan dunia Melayu berdasarkan aspek persamaan daerah, darah, kebudayaan dan bahasa yang menjadi satu rumpun yang sama, iaitu Melayu. Selepas KMM diharamkan, idea Melayu Raya terus diperjuangkan oleh Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). PKMM dipimpin oleh Dr. Burhanuddin al-Helmi, Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam. Parti ini menetapkan matlamat politik untuk menanam semangat kebangsaan dan bekerjasama dengan kaum lain bagi membentuk perpaduan. PKMM memperjuangkan kemerdekaan melalui konsep Melayu Raya. Melalui slogan "Merdeka", PKMM berhasrat mendaulatkan hak rakyat dalam politik, ekonomi, agama, sosial dan kebudayaan.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 172

3 B

Ulasan: Kesatuan Melayu Melaka dipimpin oleh Ibrahim Haji Yaakob. Antara perjuangan KMM adalah memperjuangkan kemerdekaan melalui konsep Melayu Raya. Idea ini adalah penyatuan bangsa dan dunia Melayu berdasarkan daerah, darah, kebudayaan dan bahasa. Selepas KMM diharamkan, idea Melayu Raya diteruskan oleh Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang dipimpin oleh Dr. Burhanuddin al-Helmi,

Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam.
Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 172

4 B

Ulasan: Sistem Ahli bermaksud sistem yang melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu. Sistem Ahli memberikan latihan kepada penduduk tempatan berkaitan dengan pentadbiran negeri sebelum British memberikan kemerdekaan. Anggotanya terdiri daripada beberapa orang dari Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) diberi tanggungjawab terhadap beberapa jabatan dan agensi kerajaan.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 178

5 D

Ulasan: Sistem Ahli dapat menyediakan asas penting untuk melatih orang tempatan ke arah berkerajaan sendiri. Selain itu, memberi pendedahan kepada penduduk tempatan untuk belajar mentadbir dan menerajui negara sebelum merdeka. Sistem Ahli juga penting untuk memupuk perpaduan kaum kerana ahlinya terdiri daripada gabungan pelbagai kaum.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 179

6 D

Ulasan: Sistem Ahli dapat menyediakan asas penting untuk melatih orang tempatan ke arah berkerajaan sendiri. Selain itu, memberi pendedahan kepada penduduk tempatan untuk belajar mentadbir dan menerajui negara sebelum merdeka.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 178

7 C

Ulasan: Setiap Ahli bertanggungjawab menjaga portfolio yang mengandungi jabatan dan agensi. Ahli juga bertanggungjawab mencadangkan undang-undang yang berkaitan jabatannya. Hal ini kerana ia dapat memberi pendedahan kepada penduduk tempatan untuk belajar mentadbir dan menerajui kerajaan.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 179

8 C

Ulasan: Sistem Ahli dapat mengukuhkan perpaduan rakyat kerana ahlinya terdiri daripada gabungan pemimpin pelbagai kaum. Misalnya Dato' Onn Jaafar, E.E.C. Thuraisingham, Lee Tiang Keng, Tunku Yaacob ibni Sultan Abd. Hamid, Dato' Mahmud Mat, Dato' Nik Ahmad Kamil, H.S. Lee, dan Dr. Ismail Abdul Rahman.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 179

9 B

Ulasan: Sistem Ahli merupakan satu sistem kabinet bayangan yang terdiri daripada beberapa pegawai tadbir dan tokoh masyarakat. Ahli bertaraf "Menteri" dan bertanggungjawab menjaga portfolio yang mengandungi jabatan dan agensi kerajaan. Ahli bertanggungjawab mencadangkan undang-undang yang berkaitan dengan jabatannya untuk dibentangkan dalam MPP. Ahli dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan persetujuan Majlis Raja-Raja dan diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi British.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 179

10 A

Ulasan: Semasa pentadbiran British, sistem persekolahan berkembang mengikut kaum. Terdapat sekolah vernakular Melayu, Cina dan Tamil, di samping sekolah beraliran agama dan Inggeris.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 180

11 C

Ulasan: Sistem persekolahan yang menggunakan bahasa pengantar dan kurikulum yang berlainan menimbulkan jurang perbezaan ekonomi dan sosial yang ketara antara rakyat berbilang kaum. Sistem seperti ini menghalang usaha menyatupadukan rakyat ke arah melahirkan satu identiti bangsa dan negara. Hal ini kerana, semasa di bawah pentadbiran British, sistem persekolahan berkembang mengikut kaum. Terdapat sekolah vernakular Melayu, sekolah vernakular Cina dan sekolah vernakular Tamil, di samping sekolah aliran agama dan sekolah Inggeris.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 180

12 A

Ulasan: Independence of Malayan Party (IMP) ditubuhkan pada September 1951. IMP dipimpin oleh Dato' Onn Jaafar dan Tan Cheng Lock. Perjuangannya adalah untuk menyatukan rakyat pelbagai kaum di Tanah Melayu. Hal ini kerana kerjasama kaum sebagai dasar penting untuk mencapai kemerdekaan.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 184

KERTAS 2

Bahagian A

Soalan	Isi	Markah
1(a)	F1 Dato' Onn Jaafar	1
<i>Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 178</i>	F2 Tunku Yaacob ibni Sultan Abd. Hamid	1
	F3 Dato' Mahmud Mat	1
	F4 Dato' Nik Ahmad Kamil	1
	F5 Dr. Ismail Abdul Rahman	1
	F6 E.E.C. Thuraisingham	1
	F7 H.S. Lee	1
	F8 Lee Tiang Keng	1
	F9 Mustafa Albakri Hassan	1
	Ulasan: Calon dikehendaki menamakan dua warganegara Persekutuan Tanah Melayu yang menganggotai Sistem Ahli.	
	[Mana-mana 2 × 1m]	[Maksimum: 2 markah]

1(b) <i>Buku Teks</i> <i>Tingkatan 4</i> <i>m.s. 178–179</i>	F1 Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri	1
	F2 Ahli Pelajaran/ Pendidikan	1
	F3 Ahli Kesihatan	1
	F4 Ahli Pertanian dan Perhutanan	1
	F5 Ahli Tanah, Lombong dan Perhubungan	1
	F6 Ahli Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar	1
	F7 Ahli Pengangkutan	1
	F8 Ahli Hasil Bumi/ Sumber Alam	1
	F9 Hal Ehwal Ekonomi/ Ekonomi	1
	F10 Perindustrian dan Perhubungan Sosial	1
	F11 Perumahan dan Kerja Raya	1
	F12 Perhubungan Industri dan Masyarakat	1
	F13 Pos dan Telekom	1
	Ulasan: Calon dikehendaki menyenaraikan dua portfolio yang terdapat dalam Sistem Ahli dengan tepat.	
	[Mana-mana $2 \times 1m$]	[Maksimum: 2 markah]
1(c) <i>Buku Teks</i> <i>Tingkatan 4</i> <i>m.s. 178–179</i>	F1 Dilaksanakan tahun 1951–1955	1
	F2 Anggotanya dikenali sebagai Ahli	1
	F3 Ahli bertaraf menteri	1
	F4 Bertanggungjawab menjaga portfolio	1
	F5 Bertanggungjawab mencadangkan undang-undang	1
	F6 Ahli dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan persetujuan Majlis Raja-Raja	1
	F7 Ahli diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi	1
	F8 Terdiri beberapa pegawai tadbir dan tokoh masyarakat	1
	F9 Peringkat awal terdiri daripada 9 orang Ahli/ 9 portfolio	1
	F10 Lima ahli penduduk Tanah Melayu/ Empat pegawai Inggeris	1
	F11 Tiga orang Melayu/ seorang Cina/ seorang India	1
	F12 Selepas rombakan pada 1954 ahlinya menjadi 11 orang/ 11 portfolio	1
	F13 Lapan ahli penduduk Tanah Melayu/ Tiga pegawai Inggeris	1
	F14 Lima orang Melayu/ dua Cina/ seorang India	1
	F15 Ahlinya terdiri pelbagai kaum	1
	F16 Sistem Kabinet Bayangan	1
	Ulasan: Calon dikehendaki menyatakan dua ciri Sistem Ahli.	
	[Mana-mana $2 \times 1m$]	[Maksimum: 2 markah]
1(d) <i>Buku Teks</i> <i>Tingkatan 4</i> <i>m.s. 178–179</i> KBAT	F1 Melatih penduduk tempatan dalam pentadbiran	1
	F2 Memupuk perpaduan	1
	F3 Melibatkan pelbagai kaum	1
	F4 Membentuk permuafakatan	1
	F5 Mengamalkan nilai toleransi	1

	F6 Bersama terlibat dalam mencadangkan undang-undang Ulasan: Calon dikehendaki menyatakan sebab British bersetuju menubuhkan Sistem Ahli. Calon boleh berikan kepentingan Sistem Ahli. [Mana-mana jawapan munasabah] [Mana-mana 4 × 1m]	1 [Maksimum: 4 markah]
2(a) Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 183	F1 Sistem persekolahan yang sama untuk kanak-kanak semua kaum F2 Bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama F3 Kandungan kurikulum seragam F4 Sukatan pelajaran bersifat kebangsaan Ulasan: Calon dikehendaki menyatakan tiga teras pembentukan sistem pendidikan kebangsaan dalam Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956. [Mana-mana 3 × 1m]	1 1 1 1 [Maksimum: 3 markah]
2(b) Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 183	F1 Sekolah Umum (rendah) menggunakan bahasa Melayu F2 Sekolah Jenis Umum (rendah) menggunakan sama ada bahasa Inggeris/ Cina/ Tamil F3 Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris mata pelajaran wajib semua sekolah F4 SMK menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar F5 Bahasa Inggeris menjadi mata pelajaran di SMK F6 Sekolah Menengah Inggeris menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar Ulasan: Calon dikehendaki menyenaraikan tiga cadangan yang dikemukakan oleh Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956. [Mana-mana 3 × 1m]	1 1 1 1 1 1 [Maksimum: 3 markah]
2(c) KBAT	F1 Mewujudkan sistem pendidikan kebangsaan yang mantap F2 Sistem persekolahan seragam F3 Semua murid akan mempelajari kurikulum yang sama F4 Adil untuk semua pihak F5 Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar F6 Hal ini dapat memantapkan bahasa kebangsaan F7 Rakyat menggunakan satu bahasa yang sama F8 Hal ini dapat meningkatkan komunikasi antara rakyat F9 Oleh itu, perpaduan dapat dibentuk F10 Akhirnya, dapat mempercepat kemerdekaan Tanah Melayu Ulasan: Calon dikehendaki untuk menjelaskan kepentingan cadangan yang dikemukakan oleh Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956. [Mana-mana jawapan munasabah] [Mana-mana 4 × 1m]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Maksimum: 4 markah]

Bahagian B

Soalan	Isi	Markah
3(a)	F1 Membentuk sistem pendidikan yang menggunakan bahasa rasmi persekutuan	1
Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 180–181	F2 Diluluskan selepas meneliti Laporan Barnes dan Fenn-Wu	1
	F3 Semua murid pelbagai bangsa disatukan	1
	F4 Berorientasikan Tanah Melayu	1
	F5 Tanah Melayu mempunyai dua jenis sekolah	1
	F6 Sekolah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar	1
	F7 Sekolah yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar	1
	F8 Bahasa Cina dan bahasa Tamil diajar sebagai bahasa ketiga di sekolah rendah	1
	F9 Sekiranya terdapat 15 orang murid	1
	F10 Sekolah menengah menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar	1
	F11 Bahasa Melayu wajib diajar di sekolah Inggeris	1
	F12 Bahasa Inggeris wajib diajar di sekolah Melayu	1
	Ulasan: Calon dikehendaki menerangkan perkara yang termaktub dalam Ordinan Pelajaran 1952.	
	[Mana-mana 6 x 1m]	[Maksimum: 6 markah]
3(b)	F1 Mencadangkan agar bahasa Inggeris dititikberatkan sebagai bahasa pengantar	1
Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 180–181	F2 Mewujudkan sekolah menengah berbilang kaum menggunakan bahasa pengantar	1
	F3 Menyeragamkan sukatan pelajaran/peperiksaan	1
	F4 Memperkenalkan buku teks berlatarbelakangkan unsur tempatan	1
	F5 Memastikan pendidikan sivik diajar secara formal di sekolah	1
	F6 Membentuk perasaan kekitaan/taat setia dalam kalangan penduduk berbilang kaum di Sarawak	1
	F7 Mempertingkatkan pengajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di sekolah Cina di Sabah	1
	F8 Memastikan bahasa Inggeris diajar di sekolah Melayu dan bahasa Melayu diajar di sekolah Inggeris	1
	F9 Menetapkan peperiksaan di sekolah menengah dikendalikan dalam bahasa Inggeris	1
	F10 Melahirkan perasaan kebersamaan dalam kalangan kaum di Sabah	1
	F11 Menyeragamkan kurikulum dan peperiksaan	1
	Ulasan: Calon dikehendaki menghuraikan mengenai Laporan Woodhead 1955 yang mencadangkan peringkat rendah dan menengah di Sarawak dan Sabah diperkasakan.	
	[Mana-mana 6 x 1m]	[Maksimum: 6 markah]
3(c)	M1 Kerajaan mengambil pelbagai langkah memperkenalkan pendekatan yang lebih sesuai	1
KBAT	M2 Ini menjadikan rakyat negara setanding dengan negara maju	1
	M3 Pendekatan inovatif yang lebih sesuai diperkenalkan sesuai dengan perubahan masa	1
	M4 Merangkumi kaedah pengajaran baharu yang berpusat kepada pelajar	1
	M5 Supaya dapat melahirkan pelajar yang lebih berkeyakinan	1

M6	Malaysia perlu bergerak selangkah ke hadapan	1
M7	Perlu mendepani segala cabaran mentransformasikan sistem sedia ada	1
M8	Agar generasi masa depan lebih efektif	1
Ulasan: Calon dikehendaki menjelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut. Calon boleh menggunakan dan mengolah jawapan daripada petikan sebagai jawapan. Calon juga dikehendaki memberikan ulasan calon terhadap petikan tersebut.		
[Mana-mana jawapan munasabah] [Mana-mana 8 x 1m]		[Maksimum: 8 markah]

Bab 8

PILIHAN RAYA

KERTAS 1

1 D

Ulasan: Pilihan raya merupakan asas berkerajaan sendiri dan memberikan peluang kepada rakyat untuk memilih wakil atau parti yang akan membentuk kerajaan. Di negara kita, pilihan raya diadakan bermula dari peringkat majlis perbandaran, diikuti peringkat negeri dan seterusnya Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 196

2 D

Ulasan: Pilihan raya peringkat negeri, 1954 dapat dilihat bahawa Perikatan UMNO-MCA telah memenangi 226 kerusi daripada 268 kerusi. Hal ini menunjukkan penerimaan masyarakat terhadap kerjasama antara kaum dalam politik negara kita pada masa itu.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 197

3 B

Ulasan: Pilihan Raya Umum merupakan asas kepada berkerajaan sendiri dan memberi peluang kepada rakyat untuk memilih wakil atau parti yang akan membentuk kerajaan yang mantap.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 196

4 C

Ulasan: Pilihan raya merupakan asas berkerajaan sendiri dan memberikan peluang kepada rakyat untuk memilih wakil atau parti yang akan membentuk kerajaan. Pilihan Raya Umum 1955 membuktikan bahawa penerimaan masyarakat terhadap kerjasama antara kaum dalam politik negara kita melalui Parti Perikatan yang seterusnya mempercepatkan kemerdekaan negara kita.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 196

5 D

Ulasan: Pilihan Raya Umum 1954 merupakan perintis kepada ke arah kemerdekaan. Rundingan untuk memilih Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) telah dijalankan dan disepakati. Dua bentuk penyusunan MPP telah dicadangkan. Perbincangan dan kesepakatan yang mereka peroleh telah menyetujui 52 orang ahli MPP akan dipilih melalui pilihan raya. Oleh itu, nilai yang boleh diambil daripada peristiwa ini adalah permuafakatan.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 203, KBAT

6 C

Ulasan: Pilihan Raya Umum pertama di Tanah Melayu diadakan untuk merintis jalan ke arah kemerdekaan. Rakyat berpeluang dalam memilih wakil atau parti yang mereka kehendaki dalam membentuk kerajaan. Ini akan membentuk kerjasama antara kaum dalam politik.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 198

7 D

Ulasan: Pilihan raya ini membuka peluang yang adil kepada rakyat untuk mengambil bahagian dalam politik tempatan dan mengamalkan demokrasi di negara ini bagi membentuk sebuah kerajaan. Pemilihan wakil yang berintegriti dan mempunyai jati diri yang teguh adalah penting untuk memastikan amalan demokrasi diamalkan dengan baik di negara kita.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 203

8 C

Ulasan: Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu dibentuk selepas Pilihan Raya Umum 1955. Kabinet pertama ini memainkan pelbagai peranan ke arah berkerajaan sendiri. Tunku Abdul Rahman dilantik menjadi Ketua Menteri dan berkuasa menubuhkan kabinetnya sendiri bagi memastikan pentadbiran negara berjalan dengan lancar. Kabinet

tahun 1955 ini dibarisi oleh 10 orang Menteri dan turut dianggotai oleh tiga orang pegawai British yang memegang portfolio Setiausaha Kewangan, Setiausaha Hal Ehwal Ekonomi dan Setiausaha Pertahanan. Wakil pemimpin tempatan dipilih untuk mentadbir negara melalui pembentukan kabinet yang pertama ini.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 206

Bab 9

PPERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957

KERTAS 1

1 B

Ulasan: Rombongan kemerdekaan Tanah Melayu diketuai oleh Tunku Abdul Rahman. Beliau merancang perjalanan ke Karachi mengikut jalan laut. Tujuannya adalah untuk menyusun strategi dan perbincangan semasa pelayaran.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 217

2 C

Ulasan: Tunku Abdul Rahman telah diarak di Padang Banda Hilir Melaka setelah tiba di Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka. Mereka telah berkumpul untuk mendengar perisytiharan tarikh kemerdekaan, iaitu pada 31 Ogos 1957.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 219

3 C

Ulasan: Misi rombongan dari Persekutuan Tanah Melayu ini juga berjaya mendapatkan persetujuan kerajaan British untuk memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu melalui satu perjanjian yang dikenali sebagai Perjanjian Kemerdekaan Tanah Melayu pada 8 Februari 1956. Dalam rundingan ini, kedua-dua pihak bersetuju untuk membentuk Suruhanjaya Perlembagaan yang berperanan merangka perlembagaan bagi negara kita.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 218

4 C

Ulasan: Antara tugas utama Suruhanjaya Reid atau Suruhanjaya Perlembagaan ialah membincangkan, menyusun dan merangka perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 220

5 C

Ulasan: Terdapat 7 isu yang menjadi terma rujukan dalam Suruhanjaya Perlembagaan. Antaranya ialah, memeriksa aturan perlembagaan yang wujud di seluruh Tanah Melayu dengan mengambil kira kedudukan dan martabat Ratu England dan Raja-raja Melayu; Memberikan cadangan terhadap Perlembagaan Persekutuan sebagai unit tunggal, bebas dan berkerajaan sendiri dalam lingkungan Komanwel berdasarkan Demokrasi Berparlimen dengan dua Dewan Perundangan; Mewujudkan kerajaan pusat yang kuat dengan kerajaan negeri juga mempunyai autonomi tertentu; Melindungi kedudukan Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan di negeri masing-masing; Mencadangkan satu jawatan bagi ketua negara, iaitu Yang di-Pertuan Besar (kemudiannya dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong) untuk Persekutuan Tanah Melayu; Mengadakan satu bentuk kewarganegaraan bagi Persekutuan Tanah Melayu; dan menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 220

6 A

Ulasan: Raja-raja Melayu mengemukakan memorandum sendiri, iaitu mencadangkan supaya Persekutuan yang merdeka mempunyai seorang Ketua Negara, Yang di-Pertuan Agong (YDPA). YDPA harus dipilih oleh Raja-raja Melayu berdasarkan kekananan. Tempoh jawatan sebagai YDPA ialah lima tahun. YDPA boleh meletak jawatan dengan persetujuan Majlis Raja-Raja. Raja-raja Melayu melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 222

7 C

Ulasan: Proses penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menekankan sikap keterbukaan dengan menerima pandangan daripada pelbagai pihak agar negara kekal maju dan harmoni.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 222–223, KBAT

8 C

Ulasan: Antara isi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 ialah mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen; Kewarganegaraan diberi melalui tiga cara, iaitu penguatkuasaan undang-undang, permohonan pendaftaran dan naturalisasi. Seterusnya menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain. Kedudukan bahasa Melayu pula dijadikan bahasa kebangsaan manakala agama Islam merupakan agama Persekutuan dan agama lain boleh diamalkan.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 224–225

9 D

Ulasan: Antara isi perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 ialah, mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen; Kewarganegaraan diberi melalui tiga cara, iaitu penguatkuasaan undang-undang, permohonan pendaftaran dan naturalisasi. Seterusnya menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain. Kedudukan bahasa Melayu pula diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan yang mana bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar dan bahasa komunikasi; manakala agama Islam merupakan agama Persekutuan dan agama lain boleh diamalkan.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 224–225

10 A

Ulasan: Setiap orang yang dilahirkan dalam Persekutuan pada atau selepas hari merdeka akan menjadi warganegara. Kewarganegaraan diberikan dengan tiga cara. Pertama, melalui penguatkuasaan undang-undang; Kedua, memohon didaftarkan sebagai rakyat; dan ketiga, memohon untuk menukar kewarganegaraan atau naturalisasi.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 224

KERTAS 2

Bahagian A

Soalan	Isi	Markah
1	Perwakilan Tanah Melayu	
<i>Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 218</i>	F1 Hapuskan jawatan Setiausaha Kewangan	1
	H1 Wujudkan Menteri Kewangan	1
	F2 Menteri Hal Ehwal Ekonomi dalam kalangan rakyat tempatan	1
	F3 Menteri Pertahanan dalam kalangan rakyat Tanah Melayu	1
	F4 Jawatan Pengarah Pertahanan dimansuhkan	1
	F5 Tarikh kemerdekaan tidak lewat dari 31 Ogos 1957	1

F6	Rundingan tentang isu Suruhanjaya Perlembagaan/ kewangan/ keselamatan dalam negeri/ perkhidmatan awam	1
British		
F7	Ahli Majlis Eksekutif selain Ketua Setiausaha Peguam Negara dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi dengan nasihat Ketua Menteri	1
F8	Ganti rugi kepada pegawai British yang diberhentikan	1
F9	Mengadakan Perjanjian Pertahanan dan Bantuan Bersama antara PTM dengan British	1
F10	British dan Komanwel akan memberikan bantuan seperti pertahanan kepada Tanah Melayu	1
F11	Bersetuju membentuk Suruhanjaya Perlembagaan/ Reid	1
Ulasan: Calon dikehendaki menjelaskan dua perkara yang dipersetujui dalam rundingan kemerdekaan di London.		
[Mana-mana 4 × 1m]		[Maksimum: 4 markah]

Bab 10

PEMASYHURAN KEMERDEKAAN

KERTAS 1

1 D

Ulasan: Merdeka ditakrifkan sebagai kebebasan dan usaha mendaulatkan nusa dan bangsa. Rakyat telah berjuang untuk membebaskan negara daripada cengkaman kuasa asing. Kemerdekaan yang diperoleh memberi kesan terhadap negara kita terutama pada peringkat awal kemerdekaan. Perkara ini dapat dilihat melalui penglibatan negara kita di dalam atau di luar negara dan penglibatan dari sudut politik, ekonomi dan sosial.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 232 & 242

2 A

Ulasan: Merdeka membawa erti bebas daripada sebarang cengkaman kuasa asing. Merdeka juga bererti bebas menentukan pemerintahan sendiri dan hala tuju negara. Oleh itu, sebagai rakyat dalam sebuah negara yang merdeka, kita perlu sentiasa bersedia membebaskan diri daripada pengaruh kuasa asing yang negatif.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 234

3 A

Ulasan: Jawatankuasa persediaan fizikal dan sambutan ditubuhkan untuk menonjolkan identiti negara dan memastikan sambutan kemerdekaan ini disambut dengan meriah. Antara yang disediakan oleh jawatankuasa persediaan fizikal ialah Stadium Merdeka, Istana Negara, Lagu *Negaraku*, Bendera Persekutuan Tanah Melayu, Jata Negara dan bunga raya. Bagi jawatankuasa sambutan, bangunan dihiasi dengan lampu untuk memeriahkan suasana, menteri memakai pakaian khas iaitu “baju muskat”, kursus protokol dan pemberian gaji seminggu awal.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 236 & 237

4 C

Ulasan: Keunikan kemerdekaan kita bukan sahaja diperoleh melalui rundingan malah muafakat pejuang-pejuang kemerdekaan yang dilakukan tanpa pertumpahan darah. Hal ini demikian kerana tanpa jasa mereka, kita tidak dapat merasai kemakmuran dan kesejahteraan pada hari ini.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 241

5 C

Ulasan: Pengiktirafan sebagai rakyat membolehkan kita mendapat hak asasi, iaitu hak yang dimiliki oleh seseorang individu di sisi undang-undang seperti kebebasan bersuara dan mengeluarkan pendapat.

Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 247

Bahagian A

Soalan	Isi	Markah
1(a) <i>Buku Teks</i> <i>Tingkatan 4</i> <i>m.s. 234–235</i>	F1 Bebas daripada cengkaman kuasa asing	1
	F2 Bebas menentukan pemerintahan/ hala tuju negara	1
	F3 Bebas daripada penjajahan/ kurungan/ naungan	1
	F4 Bebas daripada sebarang masalah/ penindasan/ kemiskinan	1
	F5 Bebas selama-lamanya	1
	F6 Bebas berfikir/ bertindak	1
	F7 Merangkumi politik/ ekonomi/ moral	1
	F8 Mewujudkan sebuah negara yang baharu dan berdaulat	1
	F9 Menyayangi negara dengan sepenuh hati	1
	F10 Sanggup berkorban demi negara	1
	Ulasan: Calon dikehendaki menjelaskan maksud merdeka. [Mana-mana 2 × 1m]	[Maksimum: 2 markah]
1(b) <i>KBAT</i>	F1 Masyarakat yang merdeka perlu sedia berkorban	1
	H1a Kerana ancaman terhadap kemerdekaan sentiasa ada	1
	H1b Penjajahan bentuk baharu	1
	H1c Menjajah minda/ sikap	1
	C1a Terikut-ikut dengan gejala negatif/ budaya Barat	1
	H1d Akhlak/ moral masyarakat luntur	1
	C1b Memusnahkan bangsa dan negara	1
	Ulasan: Calon dikehendaki untuk menghuraikan pernyataan yang diberikan. Calon boleh menggunakan stimulus yang diberikan sebagai rangsangan kepada calon untuk menjawab soalan. [Mana-mana jawapan munasabah] [Mana-mana 4 × 1m]	[Maksimum: 4 markah]

Bahagian B

Soalan	Isi	Markah
2 <i>Buku Teks</i> <i>Tingkatan 4</i> <i>m.s. 236–241</i>	F1 Pengumuman sambutan Hari Merdeka melalui Radio Malaya (8 Julai 1957)	1
	F2 Jawatankuasa Persediaan Fizikal	1
	F3 Menyediakan prasarana fizikal	1
	F4 Pembinaan Stadium Merdeka	1
	F5 Pembinaan istana untuk Yang di-Pertuan Agong	1
	F6 Mencadangkan lagu rasmi kebangsaan <i>Negaraku</i>	1
	F7 Penggunaan bendera Persekutuan Tanah Melayu	1
	F8 Raja Melayu memperkenalkan penggunaan Jata Negara	1
	F9 Pemilihan bunga raya sebagai bunga kebangsaan	1
	F10 Jawatankuasa Sambutan/ JK Pusat Perayaan Merdeka/ JK Kerja Pusat Merdeka/ JK Perayaan Ibu Kota Persekutuan/ JK Derma Perayaan Kemerdekaan	1
	F11 Hiasan lampu di bangunan/ jalan raya/ Padang Kelab Selangor	1

F12	Menempah 75 ribu bendera dari Jepun	1
F13	Menyediakan pakaian khas/ “baju muskat” kepada menteri/ pegawai tinggi kerajaan	1
F14	Menganjurkan kursus khas berkaitan dengan protokol	1
F15	Memberi gaji seminggu lebih awal kepada kakitangan kerajaan	1
F16	Upacara sambutan bermula pada malam 30 Ogos di Padang Kelab Selangor	1
F17	Wakil Parti Perikatan Tanah Melayu/ Singapura berpakaian baju Melayu hitam	1
F18	300 orang pemuda membentuk perbarisan kehormat	1
F19	Menjelang 11.58 malam lampu dipadamkan	1
F20	Lampu dipasang semula menjelang detik 12.00 malam	1
F21	Orang ramai melaungkan “Merdeka”	1
F22	Bendera Union Jack diturunkan dengan iringan lagu <i>God Save The Queen</i>	1
F23	Bendera PTM dinaikkan dengan iringan lagu <i>Negaraku</i>	1
F24	Tunku Abdul Rahman memberi/ menerima tabik hormat	1
F25	Pasukan Pemuda Perikatan membawa dulang berisi rantai emas/ berukir peta Semenanjung Tanah Melayu/ gambar Tunku Abdul Rahman/ perkataan “Bapa Kemerdekaan Tanah Air”/ dikalungkan oleh Sardon Jubir	1
F26	Tunku Abdul Rahman menyampaikan ucapan	1
F27	Pertunjukan bunga api	1
F28	Bacaan doa selamat oleh Tuan Haji Massood Hayati	1
F29	Upacara pemasyhuran kemerdekaan diadakan pada pagi 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka	1
F30	Perarakan barisan pasukan tentera/ orang ramai berjumlah 20 ribu orang membanjiri stadium	1
F31	Raja-raja Melayu dan wakil Queen Elizabeth II/ Duke of Gloucester serta beberapa pegawai tinggi British dipayungi biduanda di atas pentas	1
F32	Bunyi nafiri kedengaran setiap kali pembesar negara tiba	1
F33	Duke of Gloucester mewakili kerajaan British memberikan ucapan	1
F34	Menyerahkan Surat Perlembagaan Serahan Kuasa kepada Tunku Abdul Rahman	1
F35	Tunku Abdul Rahman melaungkan “MERDEKA” sebanyak tujuh kali dengan tangan di udara	1
F36	Laungan azan oleh Ustaz Hassan Azhari	1
F37	Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan dengan diiringi lagu kebangsaan <i>Negaraku</i>	1
F38	101 das tembakan dilepaskan menandakan PTM merdeka dan berdaulat	1
F39	Istiadat mengangkat sumpah Yang di-Pertuan Agong	1
F40	Pelantikan jawatan Perdana Menteri/ Ahli Jemaah Menteri/ Hakim Besar/ Gabenor Pulau Pinang dan Melaka	1
F41	Majlis jamuan di Residensi untuk mengucapkan selamat jalan	1
F42	Sir Donald MacGillivray dan isteri berangkat pulang ke England	1
Ulasan: Calon dikehendaki menjelaskan kronologi peristiwa pemasyhuran kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.		
[Mana-mana 6 × 1m]		[Maksimum: 6 markah]

3(a) <i>Buku Teks</i> <i>Tingkatan 4</i> <i>m.s. 242–245</i>	F1	Pengamalan Sistem Raja Berperlembagaan	1
	F2	Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua utama negara dengan bidang kuasa tertentu	1
	F3	Amalan sistem Demokrasi Berparlimen	1
	F4	Rakyat berkuasa memilih kerajaan melalui pilihanraya	1
	F5	Parlimen menggubal undang-undang peringkat persekutuan/ Dewan Undangan Negeri menggubal undang-undang negeri	1
	F6	Mempunyai undang-undang berkesan/ Negara makmur	1
	F7	Tunku Abdul Rahman dilantik menjadi Perdana Menteri	1
	F8	Menteri Luar disandang Tunku Abdul Rahman	1
	F9	Tanda kebebasan negara menjalankan dasar luar negara	1
	F10	Menggantikan pegawai Eropah dengan rakyat tempatan	1
	F11	Mengukuhkan dasar luar melalui pengukuhan Kementerian Luar	1
	F12	Menghantar pegawai ke Britain untuk latihan	1
	F13	Menjalinkan hubungan dengan negara luar	1
	F14	Menganggotai Komanwel	1
	F15	Merapatkan hubungan sosioekonomi	1
	F16	Pertahanan Negara	1
	F17	Kerjasama Britain/ Australia/ New Zealand	1
	F18	Mengekalkan hubungan baik dengan Britain	1
	F19	Perjanjian Pertahanan AMDA	1
	F20	Diiktiraf Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)	1
	F21	Menjunjung prinsip PBB untuk melindungi hak asasi manusia	1
	Ulasan: Calon perlu membuktikan pernyataan kemerdekaan membawa kebaikan kepada negara.		
	[Mana-mana 6 × 1m]		[Maksimum: 6 markah]
3(b) <i>KBAT</i>	F1	Rakyat Teras Kemajuan Negara	1
	F2	Keselamatan Negara dan Wawasan Kemakmuran Bersama	1
	F3	Dalam konteks Malaysia, keadaan selamat dan aman adalah sangat relatif dengan kemakmuran yang dinikmati	1
	F4	Kibaran Jalur Gemilang memupuk perasaan bangga kepada negara	1
	F5	Melahirnya masyarakat yang cintakan negara	1
	F6	Rakyat pelbagai kaum hidup bersatu padu	1
	F7	Menyokong pembangunan negara	1
	F8	Bersama memelihara keselamatan negara	1
	F9	Menyertai sektor awam seperti tentera, polis, perubatan	1
	F10	Rakyat perlu memainkan peranan masing-masing untuk memajukan negara	1
	F11	Memberi idea dan berusaha membangunkan negara	1
	F12	Negara yang aman akan menjadikan rakyat hidup dalam kemakmuran	1
	F13	Kemajuan dan keamanan negara menjadikan negara terkenal di mata dunia	1
	Ulasan: Calon perlu menghuraikan maklumat yang terkandung dalam poster yang diberikan. Calon digalakkan memberikan jawapan yang tersurat dan yang tersirat.		
	[Mana-mana jawapan munasabah]		[Maksimum: 8 markah]
	[Mana-mana 8 × 1m]		